

SYARAT PELABELAN DAN PENGIKLANAN UNTUK MINUMAN NUTRI-GRADE YANG DIJUAL DI SINGAPURA

DOKUMEN PANDUAN
LEMBAGA PENGGALAKAN KESIHATAN

Penafian

Kandungan dokumen ini berfungsi sebagai panduan umum kepada syarat pelabelan dan pengiklanan untuk minuman Nutri-Grade yang bertujuan untuk dijual di Singapura. Panduan ini tidak menyeluruh. Semua ilustrasi adalah untuk tujuan rujukan sahaja dan tidak dilukis mengikut skala.

Dokumen ini tidak memberikan nasihat undang-undang dan tidak seharusnya digunakan sebagai sumber nasihat undang-undang. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, anda disarankan agar merujuk kepada [Peraturan Makanan](#)¹ untuk dokumen lengkap tentang syarat dan/atau memperoleh nasihat undang-undang bebas.

Jika terdapat sebarang percanggahan antara versi bahasa yang berbeza untuk dokumen ini, versi bahasa Inggeris seharusnya dianggap tepat.

¹ <https://www.sfa.gov.sg/legislation>

Kandungan

Bahagian 1: Pengenalan	4
Latar belakang dan ringkasan langkah-langkah.....	4
Tujuan dokumen.....	5
Bahagian 2: Skop produk yang tertakluk kepada Peraturan Pindaan	6
Soalan Lazim.....	9
Bahagian 3: Ringkasan Syarat Pelabelan dan Pengiklanan	14
Bahagian 4: Panel Maklumat Pemakanan (NIP)	14
Bahagian 4.1 Peletakan NIP.....	15
<i>Produk minuman dalam pakej individu</i>	15
<i>Produk minuman dalam multipek</i>	15
<i>Produk minuman yang dikeluarkan daripada dispenser minuman automatik</i>	15
Bahagian 4.2 Maklumat yang diperlukan dan format NIP	16
<i>Syarat am untuk NIP</i>	16
<i>Syarat untuk serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum digunakan sebagai minuman</i>	17
<i>Borang untuk NIP</i>	18
Bahagian 4.3: Kaedah analisis dan syarat pematuhan	19
Soalan Lazim.....	22
Bahagian 5: Sistem Penggredan Nutri-Grade	25
Bahagian 5.1: Sistem penggredan keseluruhan	25
Bahagian 5.2: Peraturan Pembundaran.....	27
Contoh.....	29
Bahagian 6: Nutri-Grade mark	38
Bahagian 6.1: Maklumat pada tanda Nutri-Grade.....	38
Bahagian 6.2 Syarat am grafik tanda Nutri-Grade	40
Bahagian 6.3 Syarat penggunaan untuk bungkusan produk.....	42
<i>Syarat penggunaan untuk multipek</i>	42
Bahagian 6.4 Syarat penggunaan untuk tetapan selain bungkusan produk.....	44
Soalan Lazim.....	45
Bahagian 6.5 Pautan dan sumber	47
Bahagian 7: Larangan Pengiklanan	48
Bahagian 7.1 Iklan dan platform media yang terjejas.....	48
Bahagian 7.2 Paparan tanda Nutri-Grade pada iklan di tempat jualan.....	51
Soalan Lazim.....	52
Butiran Hubungan	55

Bahagian 1: Pengenalan

Latar belakang dan ringkasan langkah-langkah

1. Mulai 30 Disember 2022, minuman Nutri-Grade yang dijual di Singapura dalam bentuk prabungkus dan dari dispenser minuman automatik akan tertakluk pada syarat pelabelan baharu dan larangan pengiklanan dalam Peraturan Makanan sebagaimana yang dipinda dalam Peraturan Makanan (Pindaan No. 2) yang diterbitkan pada 30 Disember 2021 ("**Peraturan Pindaan**"). Keputusan ini dibuat selepas mempertimbangkan secara teliti maklum balas yang diterima daripada pihak berkepentingan awam, industri dan pakar serta semakan bukti sedia ada di luar negara dan tempatan. Peraturan Pindaan akan berkuat kuasa mulai 30 Disember 2022.
2. Objektif dan ciri-ciri utama Peraturan Pindaan adalah seperti berikut:
 - a) Skim pelabelan ("Nutri-Grade"): Tanda Nutri-Grade bertujuan untuk membantu pengguna mengenal pasti minuman yang mengandungi kandungan gula dan lemak tepu yang lebih tinggi agar mereka dapat membuat pilihan yang lebih termaklum dan lebih sihat. Ia juga bertujuan untuk mendorong pihak industri untuk merumuskan semula produk minuman mereka.

Tanda Nutri-Grade mempunyai empat gred berkod warna, dari Gred A (bersamaan dengan paras gula dan lemak tepu yang paling rendah) hingga Gred D (bersamaan dengan paras gula dan lemak tepu yang paling tinggi). Minuman Nutri-Grade seharusnya diberi gred "A", "B", "C" atau "D" mengikut sistem penggredan Nutri-Grade. Minuman Nutri-Grade yang digredkan "C" atau "D" mestilah dilabelkan dengan tanda Nutri-Grade pada bahagian depan pek bungkusan. Jika minuman Nutri-Grade dijual secara runcit dalam talian, dari mesin automatik (dalam bentuk prabungkus) atau dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli (seperti yang ditakrifkan dalam Peraturan 184E(4)) *Peraturan Makanan*, imej tanda Nutri-Grade mestilah dipaparkan agar bakal pembeli dapat melihat imej tersebut. Pelabelan tanda Nutri-Grade tidak wajib untuk minuman Nutri-Grade yang diberi gred "A" atau "B".
 - b) Larangan pengiklanan: Larangan pengiklanan bertujuan untuk mengurangkan pengaruh iklan terhadap pilihan pengguna.

Iklan yang berkaitan dengan minuman Nutri-Grade yang diberi gred "D" adalah dilarang, kecuali dalam keadaan tertentu seperti yang diperincikan dalam Peraturan 184F(2). Iklan minuman Nutri-Grade yang diberi gred "D" di POS (tempat jualan) perlu memaparkan gambar tanda Nutri-Grade.
 - c) Panel Maklumat Pemakanan (NIP): Untuk melaksanakan skim pelabelan Nutri-Grade dan larangan pengiklanan, semua minuman Nutri-Grade perlu mempunyai NIP yang menyatakan nilai tenaga, jumlah protein, karbohidrat, lemak, jumlah gula dan lemak tepu dalam minuman Nutri-Grade.
3. Peraturan Pindaan bertujuan untuk membantu pengguna mengenal pasti minuman yang lebih tinggi kandungan gula dan lemak tepu, membuat pilihan yang lebih termaklum, lebih sihat, mengurangkan pengaruh iklan terhadap pilihan pengguna serta mendorong perumusan semula produk daripada pihak industri. Ini dapat membantu menyempurnakan usaha penggalakan dan pendidikan semasa Kementerian Kesihatan dan Lembaga

Penggalakan Kesihatan (HPB) untuk mengalihkan pasaran ke arah tawaran produk yang lebih sihat sebagai sebahagian daripada pendekatan yang mampan untuk membentuk semula tingkah laku dan pilihan pengguna.

Tujuan dokumen

4. Dokumen ini bertujuan untuk dijadikan panduan am berkenaan syarat pelabelan dan pengiklanan untuk minuman Nutri-Grade bagi membantu pihak berkepentingan industri mematuhi syarat *Peraturan Makanan* apabila Peraturan Pindaan mula berkuat kuasa.
5. Dokumen ini seharusnya dirujuk bersama sumber-sumber berikut:
 - a) [Specifications of the Nutri-Grade mark²](#), (Spesifikasi tanda Nutri-Grade) yang menyediakan spesifikasi wajib untuk tanda Nutri-Grade yang dirujuk dalam Peraturan 184D(5), *Peraturan Makanan*.
 - b) [Usage Guide for Graphic Applications of the Nutri-Grade mark³](#), (Panduan Penggunaan Grafik tanda Nutri-Grade) yang menyediakan garis panduan mengenai penggunaan grafik bagi tanda Nutri-Grade.

² Dokumen ini tersedia ada di bawah bahagian “Sumber” laman web HPB, di <https://www.hpb.gov.sg/healthy-living/food-beverage/nutri-grade>.

³ Dokumen ini tersedia ada di bawah bahagian “Sumber” laman web HPB, di <https://www.hpb.gov.sg/healthy-living/food-beverage/nutri-grade>.

Bahagian 2: Skop produk yang tertakluk kepada Peraturan Pindaan


6. Peraturan Pindaan akan digunakan bagi minuman Nutri-Grade yang dijual di Singapura. “Minuman Nutri-Grade” ditakrifkan dalam *Peraturan Makanan*, Peraturan 2(1) dan 184A(1) dan termasuk yang berikut melainkan ia selaras dengan keterangan dalam Peraturan 184A, seperti yang dijelaskan dalam Perenggan 8:
 - a) Minuman prabungkus yang sedia untuk diminum dan dibungkus atau disediakan terlebih dahulu untuk dijual dalam bungkusan seperti botol, tin, karton, peket atau bekas lain;
 - b) Minuman prabungkus iaitu serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum diminum sebagai minuman; dan
 - c) Minuman yang dikeluarkan daripada dispenser minuman automatik, iaitu mesin yang mengeluarkan minuman yang tidak dibungkus terlebih dahulu dan disediakan mengikut formula yang telah ditetapkan, tanpa memberi pilihan kepada bakal pembeli minuman untuk menyelaras sebarang ramuan/kandungan dalam minuman. Ini termasuk minuman air pancuran dan minuman yang dikeluarkan daripada mesin kopi automatik.
7. Minuman adalah apa-apa bahan yang bertujuan untuk dijual sebagai minuman yang diminum oleh manusia, sama ada sebelum ataupun selepas dilarutkan atau dicairkan.



8. Produk berikut bukan minuman Nutri-Grade⁴:
- a) Minuman yang mengandungi lebih daripada 0.5% (v/v) alkohol pada suhu 20°C (untuk mengelakkan keraguan, minuman pengganti alkohol seperti bir yang dinyah-alkohol atau wain dengan alkohol $\leq 0.5\%$ (v/v) pada 20°C tidak termasuk di bawah subperenggan ini);
 - b) Minuman yang disediakan dengan tangan di tempat atau premis di mana ia dijual;
 - c) Minuman yang mana bakal pembeli boleh menyelaraskan jumlah apa-apa ramuan/kandungan dalam minuman;
 - d) Makanan tujuan khas yang memenuhi sekurang-kurangnya satu daripada kriteria berikut, seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 184A(2), *Peraturan Makanan*:
 - i. untuk tujuan perubatan khas dan yang dilabelkan sebagai untuk digunakan di bawah pengawasan perubatan;
 - ii. dibekalkan hanya kepada hospital, hospis dan kemudahan kediaman penjagaan lain seperti rumah jagaan untuk tujuan menyediakan perkhidmatan kepada pesakit di kemudahan tersebut;
 - iii. susu formula bayi;
 - iv. formula susulan, iaitu makanan yang bertujuan untuk digunakan sebagai bahagian cecair susu ibu untuk bayi 6 bulan atau lebih tua atau kanak-kanak kecil (iaitu kanak-kanak kecil ditakrifkan sebagai kanak-kanak yang berumur lebih daripada 12 bulan hingga tiga tahun (36 bulan));
 - v. makanan formula untuk digunakan dalam diet kawalan berat badan, iaitu makanan formula yang ditawarkan sebagai pengganti kepada jumlah diet harian seseorang;
 - vi. makanan untuk pesakit diabetes (kencing manis); atau
 - vii. untuk seseorang yang memerlukan pengambilan gula tertentu (termasuk, tetapi tidak terhad kepada) sukrosa atau lemak tepu dalam diet seseorang akibat penyakit, gangguan atau keadaan lain
9. Pihak industri seharusnya mengambil perhatian bahawa Peraturan Pindaan tidak merangkumi produk yang dikecualikan daripada takrif "makanan" dalam Bahagian 2A(3) Akta Jualan Makanan (contohnya, produk kesihatan dalam takrif Akta Produk Kesihatan).
10. Carta aliran dalam Rajah 1 boleh digunakan untuk menentukan sama ada sesuatu produk dianggap sebagai "minuman Nutri-Grade".

⁴ Ini termasuk produk yang disenaraikan dalam Peraturan 184A(1) dan (2), *Peraturan Makanan*.

Rajah 1: Carta aliran untuk menentukan sama ada sesuatu produk dianggap sebagai "minuman Nutri-Grade"



Soalan Lazim

A. Produk manakah yang dianggap sebagai minuman Nutri-Grade?

Jadual 2 mengandungi beberapa produk yang biasanya ditanya sama ada ia termasuk dalam skop minuman Nutri-Grade. Sila ambil perhatian bahawa ini bertujuan untuk dijadikan panduan am berdasarkan produk yang paling biasa ditemui di pasaran pada masa ini dan bukannya senarai lengkap. Untuk panduan berkenaan produk tertentu, sila hubungi HPB (Nutri-Grade@hpb.gov.sg).

Jadual 2: Produk dan klasifikasi yang lazim ditanya

Kategori	Sub-kategori/ Contoh	Sama ada produk dianggap sebagai minuman Nutri-Grade (Ya/Tidak; sebab)
Jus dan minuman jus (termasuk kordial atau larutan pekat)	<ul style="list-style-type: none">• 100% jus• Jus pekat	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Minuman ringan	<ul style="list-style-type: none">• Minuman berperisa kola• Minuman soda berperisa buah-buahan	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Minuman isotonik dan tenaga	<ul style="list-style-type: none">• Minuman isotonik, dalam kedua-dua bentuk cecair dan serbuk (iaitu memerlukan pelarutan sebelum diminum)	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Air	<ul style="list-style-type: none">• Air minuman kosong• Air berperisa• Air berkarbonat	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Minuman Asia	<ul style="list-style-type: none">• Teh bunga kekwa• Barli	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Produk tenusu dan pengganti bukan tenusu	<ul style="list-style-type: none">• Susu (lemak penuh, rendah lemak, tanpa lemak), dalam kedua-dua bentuk cecair dan serbuk (iaitu memerlukan pelarutan sebelum diminum)• Susu kacang soya• Susu kacang dan pengganti susu bukan tenusu yang lain (contohnya susu badam, susu beras)	Ya; <ul style="list-style-type: none">• Bertujuan untuk diminum sebagai minuman (contohnya dipasarkan sebagai minuman, dijual sebagai sebahagian daripada suatu hidangan set)

	<ul style="list-style-type: none"> • Minuman susu kultur dan minuman yogurt 	
	<ul style="list-style-type: none"> • Susu sejat • Susu pekat manis • Mentega • Krim • Keju • Yogurt • Whey • Minyak sapi/ ghi 	<p>Tidak;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman
<p>Teh, kopi, koko dan produk seumpamanya</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kopi atau teh segera atau boleh larut (iaitu memerlukan pelarutan sebelum diminum) • Kopi atau teh sedia untuk diminum • Uncang teh • Daun teh, yang bertujuan untuk dijual dan diminum sebagai minuman selepas dibancuh dengan air • Kopi kisar, yang bertujuan untuk dijual dan digunakan sebagai minuman selepas dibancuh dengan air (contohnya uncang kopi kopi-o-kosong, kapsul yang mengandungi serbuk kopi dan bertujuan untuk digunakan bersama mesin kopi) • Air seduhan herba • Minuman koko 	<p>Ya;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
	<ul style="list-style-type: none"> • Biji kopi/kopi kisar dan teh (contohnya daun dan pucuk daun) yang bertujuan untuk dijual dan digunakan sebagai bahan mentah untuk memasak, membakar atau tujuan lain (contohnya yang dijual dalam guni untuk kegunaan am) 	<p>Tidak;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman

	<ul style="list-style-type: none"> Biji koko, koko urai, pes koko, jisim koko, kepingan koko, serbuk koko, pati koko 	
Produk bijirin	<ul style="list-style-type: none"> Minuman bijirin segera (iaitu memerlukan pelarutan sebelum diminum) Minuman bijirin sedia untuk diminum 	Ya; <ul style="list-style-type: none"> Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
	<ul style="list-style-type: none"> Bijirin sarapan pagi, oat, muesli dll. Bar bijirin 	Tidak; <ul style="list-style-type: none"> Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Bentuk gula/pemanis	<ul style="list-style-type: none"> Semua jenis gula (putih, perang, batu, aising dll.) Madu Molases Sirap glukosa 	Tidak; <ul style="list-style-type: none"> Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman - ini merupakan ramuan
Pati daging	<ul style="list-style-type: none"> Pati ayam Pati ikan 	Tidak; <ul style="list-style-type: none"> Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman, sama seperti kuah, sup
Produk sarang burung	<ul style="list-style-type: none"> Minuman cecair sarang burung yang bertujuan untuk dijual dan diminum sebagai minuman (termasuk larutan pekat) 	Ya; <ul style="list-style-type: none"> Bertujuan untuk diminum sebagai minuman
	<ul style="list-style-type: none"> Sarang burung pepejal 	Tidak; <ul style="list-style-type: none"> Tidak bertujuan untuk diminum sebagai minuman
Minuman yang boleh digunakan sebagai pengganti makanan	<ul style="list-style-type: none"> Gantian makanan separa (contohnya minuman kocak bernutrisi) 	Ya; <ul style="list-style-type: none"> Tidak termasuk di bawah pengecualian yang dinyatakan dalam Perenggan 8(d) oleh itu merupakan minuman Nutri-Grade

	<ul style="list-style-type: none"> Gantian makanan harian sepenuh (contohnya untuk kegunaan selepas pembedahan) 	<p>Tidak;</p> <ul style="list-style-type: none"> Termasuk di bawah pengecualian yang dinyatakan dalam Perenggan 8(d), oleh itu bukan merupakan minuman Nutri-Grade
--	--	---

B. Apakah maksud Perenggan 8(b) apabila ia menyatakan “Minuman yang disediakan dengan tangan di tempat atau premis di mana ia dijual” tidak dianggap sebagai minuman Nutri-Grade?

- Pada masa ini, minuman Nutri-Grade tidak termasuk minuman yang disediakan dan dijual di premis yang sama. Syarat kawal selia untuk kumpulan minuman ini mungkin akan digariskan pada masa hadapan. Contoh minuman tersebut ialah:
 - Minuman yang disediakan baharu/segar di premis makanan dan minuman (F&B), seperti restoran, medan selera, kafe atau kiosk, untuk diminum segera, termasuk:
 - Yang disediakan dan dibahagikan sebelum jualan untuk kesesuaian operasi (contohnya barli atau teh ais limau yang disediakan di premis dan dituang ke dalam cawan individu dan ditutup/dikedap sebelum dijual); dan
 - Yang disediakan di premis F&B pusat dan diedarkan ke premis lain untuk dijual oleh pengusaha perniagaan makanan yang sama untuk kesesuaian operasi (contohnya minuman herba yang dirumuskan untuk diminum sebagai minuman rekreasi yang disediakan di premis minuman herba pusat dan diedarkan untuk dijual di kedai lain) ;
 - Minuman yang disediakan baharu/segar di premis F&B dan dibungkus untuk dibawa balik atau dihantar kepada pengguna (contohnya teh mutiara, kopi/teh, susu soya);
 - Minuman yang disediakan baharu/segar di rumah bagi perniagaan berasaskan rumah (cth. kombucha);
 - Minuman yang disediakan baharu/segar menggunakan serbuk/larutan pekat dan dihidangkan kepada pengguna di premis F&B selepas pelarutan (cth. kopi panas yang dibuat dengan menggunakan serbuk 3-dalam-1);
 - Namun begitu, sila ambil perhatian bahawa serbuk/larutan pekat tersebut (cth. serbuk 3-dalam-1) merupakan prabungkus dan tertakluk kepada Peraturan Pindaan, jika ia bertujuan untuk dijual secara runcit di Singapura.
 - Minuman yang disediakan baharu/segar oleh dispenser minuman automatik yang membolehkan penyelarasan (cth. mesin kopi/teh yang membolehkan bakal pembeli memilih jumlah gula atau krimer yang digunakan)
 - Minuman yang dibahagikan di premis F&B daripada bungkusan runcit (cth. minuman dalam tin yang dibekalkan dalam bungkusan runcit kepada premis F&B dan dibahagikan kepada cawan individu di premis);

- Namun begitu, minuman yang dibekalkan dalam bungkusan runcit (cth. minuman ringan dalam tin) merupakan prabungkus dan tertakluk kepada Peraturan Pindaan, jika ia bertujuan untuk dijual secara runcit di Singapura.
- Minuman yang dibahagikan di premis F&B daripada bungkusan pukal (cth. susu soya yang dibekalkan dalam bungkusan pukal kepada premis F&B dan dibahagikan ke dalam botol individu di premis).
 - Peraturan Pindaan tidak dikenakan terhadap bungkusan pukal tersebut jika ia tidak bertujuan untuk dijual secara runcit di Singapura (cth. B2B sahaja).

C. Untuk tujuan penjelasan dalam Perenggan 8(d)(iv), produk manakah yang layak sebagai "formula susulan" dan boleh dikecualikan daripada tergolong sebagai "minuman Nutri-Grade"?

- Formula susulan ialah makanan yang bertujuan untuk digunakan sebagai bahagian cecair susu ibu untuk bayi 6 bulan ke atas atau kanak-kanak kecil (iaitu kanak-kanak yang berumur lebih daripada 12 bulan sehingga umur tiga tahun (36 bulan).
- Sebagai contoh, produk yang bertujuan untuk diminum oleh kanak-kanak berumur antara 12 hingga 36 bulan tidak akan dianggap sebagai "minuman Nutri-Grade".
- Namun begitu, produk yang bertujuan untuk diminum oleh kanak-kanak melebihi 36 bulan tidak akan dianggap sebagai "formula susulan" dan oleh itu akan dianggap sebagai "minuman Nutri-Grade" [dengan andaian bahawa ia tidak memenuhi mana-mana kriteria lain dalam Peraturan 184A dan diterangkan selanjutnya dalam Perenggan 8(d)]. Ini termasuk:
 - Produk yang bertujuan untuk diminum oleh kanak-kanak berumur 12 bulan ke atas (tanpa had umur atas)⁵; dan
 - Produk yang bertujuan untuk diminum oleh kanak-kanak berumur antara 1 hingga 10 tahun

⁵ Formula susulan untuk bayi dari bulan ke-6 atau lebih besar masih dianggap sebagai susu formula bayi di bawah Peraturan 252 Peraturan Makanan.

Bahagian 3: Ringkasan Syarat Pelabelan dan Pengiklanan

11. Minuman Nutri-Grade yang bertujuan untuk dijual secara runcit di Singapura mestilah mematuhi syarat dalam Jadual 3 berdasarkan grednya mengikut sistem penggredan yang dinyatakan dalam Bahagian 5.

Jadual 3: Ringkasan syarat untuk minuman Nutri-Grade

Gred	A	B	C	D
Syarat	Pelabelan wajib Panel Maklumat Pemakanan			
	Pelabelan tanda Nutri-Grade tidak diwajibkan		Pelabelan wajib tanda Nutri-Grade	
				Tertakluk kepada larangan pengiklanan

Bahagian 4: Panel Maklumat Pemakanan (NIP)

12. Semua minuman Nutri-Grade yang bertujuan untuk dijual di Singapura (lihat Bahagian 2), mestilah dilabelkan dengan NIP tanpa mengira grednya, kecuali jika dinyatakan dalam Peraturan 184C(6), *Peraturan Makanan* (diterangkan selanjutnya dalam Perenggan 13). Syarat pelabelan NIP dinyatakan dalam Peraturan 184C yang menyatakan bahawa:

- a) Untuk minuman Nutri-Grade prabungkus, bungkusan minuman Nutri-Grade mestilah dilabelkan dengan NIP;
- b) Untuk minuman Nutri-Grade yang dijual daripada dispenser minuman automatik, maklumat yang diperlukan dalam NIP mestilah tersedia ada kepada sesiapa sahaja yang ingin melihat maklumat tersebut dalam bentuk yang diterangkan dalam Peraturan 184C(5) (diterangkan selanjutnya dalam Perenggan 18-19).

13. Minuman Nutri-Grade yang disenaraikan dalam Peraturan 184C(6), *Peraturan Makanan* tidak perlu dilabelkan dengan NIP. Ini adalah seperti yang berikut, jika ia tidak mengandungi sebarang kalori, protein, lemak, lemak tepu, karbohidrat dan gula:

- a) Kopi atau penyediaan kopi;
- b) Air minuman;
- c) Air seduhan herba;
- d) Teh atau penyediaan teh.

Bahagian 4.1 Peletakan NIP

Produk minuman dalam pakej individu (contohnya botol, tin, pekot, uncang)

14. NIP mestilah ditandai atau dilekatkan dengan baik di kedudukan yang menonjol dan mudah dilihat pada bungkusan minuman dan mestilah dapat dibaca dengan jelas. Ini dapat dilakukan dengan menggunakan label pelekat.
 - a) "Dilekatkan dengan baik" bermaksud label yang mengandungi NIP sukar ditanggalkan dan dapat kekal terlekat pada bungkusan sepanjang jangka hayat rak bungkusan itu.
 - b) NIP seharusnya kalis air dan dakwat tidak boleh mengalir apabila pemeluwapan/tumpahan berlaku agar ia kekal dapat jelas dibaca.
15. NIP boleh dilekatkan pada mana-mana permukaan bungkusan minuman. Ia disarankan agar NIP diletakkan bersama atau berdekatan dengan senarai kandungan.

Produk minuman dalam multipek

16. Multipek ialah bungkusan beberapa unit minuman yang dibungkus secara individu dan dikumpulkan serta dibungkus bersama untuk dijual sebagai satu item. Dalam multipek, unit individu minuman biasanya dikumpulkan dan dibungkus bersama dalam pembungkusan luar seperti pembungkus plastik atau pek atau kotak kadbod.
17. Syarat pelabelan NIP untuk multipek dinyatakan dalam Peraturan 184C(3), *Peraturan Makanan*. Untuk multipek, NIP boleh ditandai atau dilekatkan dengan baik pada:
 - a) Bungkusan setiap unit minuman Nutri-Grade yang telah dibungkus dalam multipek (bukan bungkusan luar multipek); atau
 - b) Bungkusan luar multipek (bukan bungkusan unit minuman Nutri-Grade prabungkus), jika bungkusan luar multipek mempunyai pernyataan bahawa setiap unit dalam bungkusan tidak boleh dijual secara berasingan atau pernyataan yang sama maksudnya (contohnya "Tidak boleh dijual berasingan").

Industri juga boleh menandakan atau melekatkan NIP dengan baik pada kedua-dua bungkusan setiap unit minuman individu dan bungkusan luar multipek untuk memenuhi syarat Peraturan 184C(3).

Produk minuman yang dikeluarkan daripada dispenser minuman automatik

18. Syarat pelabelan NIP untuk minuman yang dijual daripada dispenser minuman automatik dinyatakan dalam Peraturan 184C(4) dan 184C(5), *Peraturan Makanan*. Untuk minuman yang dijual daripada dispenser minuman automatik, maklumat pemakanan yang diperlukan dalam NIP mestilah tersedia ada kepada sesiapa sahaja yang ingin melihat maklumat tersebut.
19. Maklumat pemakanan boleh disediakan dalam salah satu bentuk berikut:
 - a) Dipaparkan dengan jelas pada dispenser minuman automatik atau berhampiran dispenser minuman automatik (contohnya tiang "standee" yang dipamerkan berhampiran dispenser);

- b) Di laman web atau catatan elektronik lain yang dapat dilihat oleh orang tersebut (contohnya diakses secara elektronik melalui kod QR); atau
- c) Dalam dokumen fizikal yang ditunjukkan atau diberikan kepada orang tersebut atas permintaannya (contohnya lembaran maklumat yang diberikan atas permintaan).

Bahagian 4.2 Maklumat yang diperlukan dan format NIP

Syarat am untuk NIP

20. NIP mestilah dalam bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Belas atau dalam sebarang bentuk lain yang serupa dan boleh diterima oleh Ketua Pengarah.
21. Teks NIP mestilah dicetak dengan jelas dan dapat dibaca dalam bahasa Inggeris. Ia boleh dipaparkan bersama bahasa lain.
22. **Pengisytiharan wajib:** Tertakluk kepada Peraturan 184C(1), dijelaskan dalam Perenggan 38, NIP mestilah menyatakan nilai tenaga dan jumlah nutrien berikut (selepas ini disebut sebagai "nutrien wajib"):
- a) Protein;
 - b) Karbohidrat;
 - c) Jumlah gula⁶;
 - d) Lemak;
 - e) Lemak tepu⁷; dan
 - f) Apa-apa nutrien lain yang dituntut berkenaan minuman tersebut
23. **Pengisytiharan tambahan:** Sebagai tambahan kepada nutrien wajib, jumlah nutrien lain boleh dinyatakan pada NIP secara sukarela (selepas ini disebut sebagai "nutrien tambahan"). Ini mungkin termasuk:
- a) Lemak tak tepu mono, lemak polidaktepung, asid lemak omega dan lemak trans yang boleh dimasukkan sebagai subkumpulan lemak selepas lemak tepu
 - b) Gula tambahan, **laktosa** dan **galaktosa** yang boleh dimasukkan sebagai subkumpulan jumlah gula;

(Perhatian: Pengisytiharan laktosa dan galaktosa amat digalakkan untuk minuman yang mengandungi nutrien ini. Sila rujuk Perenggan 41(a) untuk penjelasan lanjut tentang perkaitan pengisytiharan laktosa dan galaktosa, berhubung dengan sistem pengedaran dan tanda Nutri-Grade)
 - c) Serat pemakanan;
 - d) Natrium; dan

⁶ Sekiranya tiada karbohidrat dalam produk, tidak wajib untuk mengisytiharkan "jumlah gula" (rujuk Peraturan 184C(1)(c) *Peraturan Makanan*).

⁷ Sekiranya tiada lemak dalam produk, tidak wajib untuk mengisytiharkan jumlah "lemak tepu" (rujuk Peraturan 184C(1)(d) *Peraturan Makanan*).

- e) Nutrien lain seperti yang dinyatakan dalam "Buku Panduan Pelabelan Pemakanan (Singapura)" HPB.
24. Unit metrik yang sesuai seharusnya digunakan. Unit bagi tenaga ialah kilokalori dan/atau kilojoule. Unit bagi semua nutrien wajib adalah dalam unit gram. Sila rujuk kepada "Buku Panduan Pelabelan Pemakanan (Singapura)" HPB untuk unit yang sesuai bagi nutrien tambahan.
 25. Nilai tenaga dan jumlah nutrien seharusnya dinyatakan dalam bentuk 'setiap 100 ml' dan/atau 'setiap hidangan'. Jika 'setiap hidangan' digunakan, saiz hidangan (dalam ml) dan bilangan hidangan setiap bungkusan juga harus dinyatakan dengan jelas dalam NIP.
 26. Nilai untuk tenaga seharusnya dibundarkan kepada nombor bulat terdekat, manakala nilai untuk nutrien wajib seharusnya dibundarkan kepada satu tempat perpuluhan terdekat.

Syarat untuk serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum digunakan sebagai minuman

27. Bagi produk-produk ini, NIP seharusnya (selain mematuhi Peraturan 184C(1), 184C(4) dan 184C(5) yang diterangkan selanjutnya dalam Perenggan 20 hingga 26):
 - a) Menyatakan nilai tenaga dan jumlah nutrien berdasarkan minuman yang disediakan mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman, dalam bentuk 'setiap 100 ml' dan/atau 'setiap hidangan'; dan
 - b) Jika maklumat dinyatakan 'sebagai gram' setiap 100 ml' minuman, nyatakan bahawa maklumat adalah berdasarkan bahawa minuman disediakan mengikut arahan tersebut (contohnya "Sebagaimana yang dilarutkan mengikut arahan label").
28. Untuk produk-produk ini, bungkusannya juga mestilah dilabelkan dengan arahan pengeluar berkenaan cara penyediaan minuman.
29. Semasa menyatakan nilai dalam minuman seperti yang disediakan [lihat Perenggan 27(b)],
 - a) Isi padu akhir minuman yang dilarutkan seharusnya diambil kira selepas dicairkan dengan cecair mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman
 - b) Jika arahan pengilang tentang cara penyediaan minuman mengandungi lebih daripada satu arahan pelarutan (contohnya serbuk boleh dicairkan dengan air atau susu), ia disarankan agar pencairan dengan air digunakan untuk tujuan pengiraan gred minuman. Ia disarankan agar penggredan Nutri-Grade dan maklumat pemakanan pada bungkusannya seharusnya berdasarkan larutan dengan air dan NIP seharusnya menunjukkan bahawa maklumat yang diisytiharkan pada NIP adalah berdasarkan air sebagai kaedah larutan. Sila rujuk Contoh untuk maklumat lanjut.
 - c) Jika arahan larutan memerlukan pencairan dengan jenis susu tertentu (contohnya susu kosong penuh lemak, rendah lemak atau skim), kandungan nutrisi susu mestilah disertakan. Asas yang munasabah seharusnya digunakan untuk menentukan kandungan nutrisi susu. Sebagai contoh, Sistem Komposisi Makanan HPB Singapura (FOCOS) boleh digunakan untuk mendapatkan nilai nutrien masing-masing bagi setiap jenis susu. Sebagai rujukan, nilai nutrien susu yang biasa digunakan untuk larutan adalah seperti berikut (sehingga Jun 2021):

- i. Susu kosong skim: 34.0 kcal, 3.60 g protein, 4.80 g karbohidrat/jumlah gula/laktosa, 0.1 g jumlah lemak dan 0.1 g lemak tepu setiap 100 ml
 - ii. Susu biasa rendah lemak: 49.0 kcal, 3.90 g protein, 5.90 g karbohidrat/ jumlah gula/laktosa, 1.20 g jumlah lemak dan 0.75 g lemak tepu setiap 100 ml
 - iii. Susu kosong penuh lemak: 64.0 kcal, 3.20 g protein, 4.50 g karbohidrat/jumlah gula/ laktosa, 3.70 g jumlah lemak dan 2.25 g lemak tepu setiap 100 ml
- d) Jika arahan larutan memerlukan pencairan dengan susu dan jenis susu tidak ditunjukkan, susu penuh lemak seharusnya digunakan.
- e) Jika arahan larutan memerlukan pencairan dengan bahan selain air atau susu, prinsip yang sama seharusnya digunakan dan kandungan nutrisi bahan tersebut mestilah disertakan. Asas yang munasabah seharusnya digunakan untuk menentukan kandungan nutrisi bahan tersebut.
30. Sebagai tambahan kepada syarat wajib dalam Peraturan 8A dan 184C(2) yang diterangkan selanjutnya dalam Perenggan 27 dan 28, NIP juga boleh menentukan nilai tenaga dan jumlah nutrien dalam produk sebagaimana yang dijual. Ini boleh dinyatakan dalam bentuk 'setiap 100 g' atau 'setiap 100 ml' (100 g seharusnya digunakan jika produk dijual dalam bentuk pepejal, manakala 100 ml seharusnya digunakan jika produk dijual dalam bentuk cecair) dan/ atau setiap hidangan.

Borang untuk NIP

31. Teks NIP seharusnya dalam huruf bercetak tidak kurang daripada ketinggian 1.5 mm.
32. Sila lihat Rajah 2 untuk borang standard NIP bagi minuman Nutri-Grade. Bagi pengilang, pengimport tempatan, pengedar atau peruncit yang ingin mengisytiharkan nutrien tambahan pada NIP, sila rujuk "Buku Panduan tentang Pelabelan Pemakanan (Singapura)" HPB untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang bentuk dan susunan pembentangan nutrien tambahan.

Rajah 2: Borang standard NIP

MAKLUMAT NUTRISI		
Hidangan setiap bungkus (masukkan bilangan hidangan di sini) *		
Saiz hidangan: (masukkan saiz hidangan di sini) *		
	Setiap Hidangan* dan/atau	Setiap 100 ml***
Tenaga	kcal, kJ atau kedua-dua	kcal, kJ atau kedua-dua
Protein	g	g
Lemak	g	g
Lemak Tepu	g	g
Karbohidrat	g	g
Jumlah Gula	g	g
Laktosa**	g	g
Galaktosa**	g	g

(masukkan nutrien yang dituntut atau sebarang nutrien lain di sini)	mcg, mg, g atau unit ukuran lain yang sewajarnya	mcg, mg, g atau unit ukuran lain yang sewajarnya
---	--	--

*Digunakan hanya jika nutrien diisytiharkan mengikut setiap hidangan

**Tidak wajib tetapi amat digalakkan untuk minuman yang mengandungi laktosa/galaktosa

***Untuk serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum digunakan, jika NIP menyatakan nilai tenaga dan jumlah nutrien bagi setiap 100 ml minuman, pernyataan pada NIP bahawa nilai di bawah lajur ini adalah berdasarkan minuman yang disediakan mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman (cth. "Sebagaimana dilarutkan mengikut arahan label") seharusnya ditunjukkan. Maklumat tambahan berkenaan nilai tenaga dan jumlah nutrien dalam produk yang dijual boleh ditambahkan.

33. Minuman prabungkus dengan jumlah luas permukaan kurang daripada 100cm² dan label yang mengandungi pernyataan jumlah gula dan lemak tepu tidak perlu mempunyai NIP. Namun begitu, sekiranya pihak berkaitan (iaitu pengilang, pengimport tempatan, pengedar yang disebutkan dalam Peraturan 184B(1)) ingin melabelkan minuman sedemikian dengan maklumat dalam NIP tetapi bungkusan tersebut tidak mempunyai tempat yang cukup untuk memasukkan NIP, pembentangan maklumat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3 boleh dipertimbangkan).

Rajah 3: Membentangkan maklumat NIP untuk produk dengan jumlah luas permukaan yang kurang daripada 100cm²

MAKLUMAT NUTRISI. Hidangan setiap pakej: (masukkan bilangan hidangan di sini)*, Saiz hidangan: (masukkan saiz hidangan di sini)*
Jumlah setiap hidangan dan/atau setiap 100ml***: Tenaga *kcal atau kJ atau kedua-dua*, Protein *g*, Lemak *g*, Lemak Tepu *g*, Karbohidrat *g*, Jumlah Gula *g*, Laktosa** *g*, Galaktosa** *g*, (masukkan nutrien yang dituntut atau sebarang nutrien lain di sini).

*Digunakan hanya jika nutrien diisytiharkan mengikut setiap hidangan

**Tidak wajib tetapi amat digalakkan untuk minuman yang mengandungi laktosa/galaktosa

***Untuk serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum digunakan, jika NIP menyatakan nilai tenaga dan jumlah nutrien bagi setiap 100 ml minuman, pernyataan pada NIP bahawa nilai di bawah lajur ini adalah berdasarkan minuman yang disediakan mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman (cth. "Sebagaimana dilarutkan mengikut arahan label") seharusnya ditunjukkan. Maklumat tambahan berkenaan nilai tenaga dan jumlah nutrien dalam produk yang dijual boleh ditambahkan.

Bahagian 4.3: Kaedah analisis dan syarat pematuhan

34. Nilai yang diisytiharkan pada NIP bolehlah merupakan nilai purata iaitu nilai yang paling tepat mewakili nilai tenaga dan jumlah nutrien dalam minuman tertentu dan mempunyai ruang untuk kebolehubahan bermusim, corak penggunaan dan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan nilai sebenar berubah.

35. Nilai pada NIP boleh ditentukan berdasarkan kaedah-kaedah yang disenaraikan di bawah. Pemeriksaan audit akan dijalankan dengan mengumpul sampel untuk memantau ketepatan maklumat pada NIP, tanpa mengira kaedah yang digunakan untuk menentukan nilai pada NIP. Sila rujuk perenggan 39 untuk maklumat lanjut.

- a) Analisis kimia minuman menggunakan kaedah rasmi Persatuan Ahli Kimia Analitik Rasmi (AOAC) dan/atau kaedah alternatif yang terbukti setara dengan kaedah rasmi AOAC⁸, iaitu kaedah analisis yang disarankan;
 - b) Pengiraan daripada nilai yang diketahui atau nilai sebenar bagi bahan yang digunakan; atau
 - c) Pengiraan daripada data yang telah terbukti dan diterima umum.
36. Bagi serbuk atau larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum diminum, NIP seharusnya menyatakan nilai tenaga dan jumlah nutrien berdasarkan minuman seperti yang disediakan mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman. Ini seharusnya mengambil kira isi padu akhir minuman selepas pelarutan serbuk/pekat. Terdapat beberapa kaedah untuk menentukan nilai ini:
- a) Analisis kimia bagi minuman yang telah dilarutkan; atau
 - b) Pengiraan menggunakan nilai serbuk atau larutan pekat yang diketahui untuk memperoleh nilai bagi minuman seperti yang disediakan. Pangkalan Data Kepadatan FAO/INFOODS boleh digunakan untuk mendapatkan nilai ketumpatan produk yang biasa. Sebagai alternatif, penambahan 1 g produk boleh diambil kira sebagai menghasilkan peningkatan 1 ml dalam isi padu minuman terlarut.
37. Tahap toleransi untuk pengisytiharan nutrien adalah seperti berikut:
- a) Seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melalui analisis nutrien, nilai tenaga sebenar dan jumlah lemak, lemak tepu, karbohidrat, jumlah gula (dan lemak trans, kolesterol dan natrium, jika diisytiharkan) tidak boleh melebihi 20% daripada nilai yang diisytiharkan pada NIP;
 - b) Seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melalui analisis nutrien, jumlah sebenar nutrien semula jadi tidak boleh kurang daripada 80% daripada nilai yang diisytiharkan pada NIP;
 - c) Seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa melalui analisis nutrien, jumlah sebenar vitamin, mineral dan protein yang ditambah, mestilah sekurang-kurangnya sama dengan yang diisytiharkan pada NIP.
- Kekurangan yang munasabah bagi nilai tenaga dan jumlah lemak, lemak tepu, karbohidrat, jumlah gula (dan lemak trans, kolesterol dan natrium, jika diisytiharkan) bawah jumlah yang diisytiharkan boleh diterima dalam lingkungan amalan pengilangan yang baik. Lebihan protein yang munasabah (dan vitamin, mineral, serat, lemak tak tepu poli, lemak tak tepu mono) melebihi jumlah yang diisytiharkan boleh diterima dalam lingkungan amalan pengilangan yang baik.
38. Bagi syarat yang ditetapkan dalam Peraturan 184C, jumlah lemak, lemak tepu, karbohidrat, jumlah gula dan protein yang sangat rendah boleh diisytiharkan dalam NIP seperti yang diterangkan dalam Jadual 4.

⁸ Senarai makmal yang diakreditasi di bawah Skim Akreditasi Makmal Singapura (SAC-SINGLAS) Majlis Akreditasi Singapura boleh didapati di: <http://www.sac-accreditation.gov.sg>. Untuk makmal bertauliah di luar negara, sila rujuk Pengaturan Pengiktirafan Bersama (MRA) SAC.

Jadual 4: Pengisytiharan tentang NIP untuk jumlah nutrien relevan yang sangat rendah

Nutrien	Jumlah	Pengisytiharan pada NIP
Lemak	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada jumlah yang dapat dikesan; atau • Kepekatan ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml 	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan sebagai “0 g” atau “≤ 0.5 g” pada NIP
Lemak tepu	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada jumlah yang dapat dikesan; atau • Kepekatan ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml 	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan sebagai “0 g” atau “≤ 0.5 g” pada NIP; atau • Pernyataan “Bukan sumber lemak tepu yang penting...” atau “Mengandungi jumlah lemak tepu yang boleh diabaikan...” boleh dimasukkan, diletakkan berhampiran dengan NIP
	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah lemak ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml (iaitu diisytiharkan sebagai “0 g” atau “< 0.5 g” pada NIP) 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu mengisytiharkan lemak tepu pada NIP • Pernyataan “Bukan sumber lemak tepu yang penting...” atau “Mengandungi jumlah lemak tepu yang boleh diabaikan...” boleh dimasukkan, diletakkan berhampiran dengan NIP
Karbohidrat	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada jumlah yang dapat dikesan; atau • Kepekatan ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml 	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan sebagai “0 g” atau “≤ 0.5 g” pada NIP
Jumlah gula	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada jumlah yang dapat dikesan; atau • Kepekatan ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml 	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan sebagai “0 g” atau “≤ 0.5 g” pada NIP; atau • Pernyataan “Bukan sumber gula yang penting...” atau “Mengandungi jumlah gula yang boleh diabaikan...” boleh dimasukkan, diletakkan berhampiran dengan NIP
	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah gula ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml (iaitu diisytiharkan sebagai “0 g” atau “< 0.5 g” pada NIP) 	<ul style="list-style-type: none"> • Tidak perlu mengisytiharkan gula pada NIP • Pernyataan “Bukan sumber gula yang penting...” atau “Mengandungi jumlah gula yang boleh diabaikan...” boleh dimasukkan, diletakkan berhampiran dengan NIP
Protein	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada jumlah yang dapat dikesan; atau • Kepekatan ialah ≤ 0.5 g setiap 100 ml 	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan sebagai “0 g” atau “≤ 0.5 g” pada NIP

39. Pengilang, pengimport dan pengedar tempatan, seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 184B(1), bertanggungjawab untuk memastikan bahawa minuman dilabelkan dengan NIP bagi ketepatan maklumat NIP dan arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman dan untuk membuat dan menyimpan rekod bertulis bagi menyokong perisytiharan nutrien berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Peraturan 184C. Semakan audit akan dijalankan dengan mengumpul sampel bagi memantau ketepatan maklumat berkenaan NIP. Jika diperlukan dan atas permintaan, rekod dan maklumat untuk menyokong perisytiharan nutrien pada NIP mestilah diserahkan. Maklumat sokongan tersebut termasuk:

- a) Laporan analisis makmal;
- b) Dokumen pengiraan yang dilakukan termasuk maklumat daripada pembekal jika perlu;
- c) Arahan penyediaan minuman;
- d) Senarai ramuan/kandungan;
- e) Sampel minuman.

Soalan Lazim

A. Apakah nutrien yang mesti diisytiharkan pada NIP?

Ia wajib untuk mengisytiharkan nilai tenaga dan jumlah nutrien wajib pada NIP (iaitu protein, lemak, lemak tepu, karbohidrat, jumlah gula), mematuhi Peraturan 184C(1) dan dihuraikan dengan lebih lanjut dalam Perenggan 22 dan 38. Di samping itu, tambahan perisytiharan nutrien wajib dengan maklumat tentang jumlah nutrien tambahan, seperti yang disenaraikan dalam Perenggan 23 (contohnya laktosa) adalah dibenarkan (bukan wajib).

B. Bilakah nutrien tambahan perlu disenaraikan?

- Nutrien tambahan hanya perlu disenaraikan pada NIP jika terdapat tuntutan nutrien berkenaan nutrien tersebut (lihat Peraturan 8A, *Peraturan Makanan*).
- Sila ambil perhatian bahawa gred dan peratusan gula pada tanda Nutri-Grade mestilah ditentukan berdasarkan maklumat pada NIP.
 - Untuk menolak kandungan laktosa dan/atau galaktosa dalam pengiraan kandungan gula bagi tujuan menentukan gred dan peratusan gula pada tanda Nutri-Grade, jumlah nutrien ini mestilah diisytiharkan pada NIP. Jika jumlah laktosa dan galaktosa tidak diisytiharkan pada NIP, ia dianggap sebagai sifar.

C. Adakah jumlah lemak termasuk kolesterol?

Tidak.

D. Adakah jumlah karbohidrat termasuk serat makanan?

Tidak.

E. Apakah definisi "Jumlah Gula"?

Jumlah gula sebarang minuman Nutri-Grade bermaksud sebarang monosakarida dan disakarida dalam minuman Nutri-Grade.

F. Adakah 'gula baharu' (novel sugar) seperti allulosa dan isomaltulosa dianggap sebagai gula?

- Dari segi kimia, gula baharu ini termasuk dalam definisi monosakarida atau disakarida. Oleh itu, ia dianggap sebagai gula dan mestilah diambil kira dalam jumlah kandungan gula minuman Nutri-Grade pada NIP dan untuk tujuan pengedaran.
- Namun begitu, gula baharu ini masih boleh digunakan sebagai sebahagian daripada proses perumusan semula dan inovasi produk untuk mengurangkan kandungan kalori dalam makanan dan minuman. Memandangkan gula baharu biasanya lebih rendah kalorinya, minuman Nutri-Grade dan produk lain yang mengandungi gula baharu mungkin boleh memasukkan tuntutan seperti "Kalori rendah" atau "Ringan dalam Tenaga" pada bungkusannya dengan syarat produk memenuhi kriteria berkaitan yang diterangkan dalam "Buku Panduan Pelabelan Pemakanan (Singapura)".

G. Berapakah bilangan sampel bagi setiap produk yang harus dianalisis untuk pelabelan pemakanan?

Pengilang, pengimport tempatan dan pengedar adalah bertanggungjawab untuk menentukan kebolehubahan produk mereka dan bilangan sampel yang sewajarnya untuk menyediakan data nutrien yang tepat.

H. Sejauh manakah laporan makmal mestilah terbaharu/terkini?

Pengilang, pengimport tempatan dan pengedar adalah bertanggungjawab untuk memastikan laporan makmal dan dokumen sokongan lain adalah sah selain memberikan data nutrien yang tepat bagi produk yang dijual di pasaran.

I. Siapakah yang bertanggungjawab untuk melabelkan NIP?

- *Peraturan Makanan* memerlukan pihak berikut memastikan bahawa bungkusan minuman Nutri-Grade dilabelkan dengan NIP dan memastikan NIP mengandungi maklumat yang tepat, iaitu
 - Jika minuman Nutri-Grade dikilangkan di Singapura untuk dijual di Singapura, maka pengilangnya;
 - Jika minuman Nutri-Grade diimport untuk dijual di Singapura, maka pengimport tempatannya; atau
 - Dalam kes-kes lain (cth. sekiranya pengedar tempatan membeli minuman Nutri-Grade daripada pengilang atau pengimport tempatan dan kemudiannya melabelkan produk bawah nama jenamanya sendiri), maka pengedarnya.
- Walaupun pengilang, pengimport dan pengedar tempatan mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk memastikan pelabelan NIP yang tepat, mereka boleh melantik pihak ketiga untuk melakukan pelabelan.
- Untuk memastikan maklumat yang dipaparkan pada NIP adalah tepat, pengilang, pengimport dan pengedar tempatan boleh mempertimbangkan cadangan berikut (senarai ini bukan senarai lengkap):

- Bekerjasama dengan pembekal bahan yang digunakan dalam pengeluaran minuman Nutri-Grade untuk mendapatkan kandungan nutrisi ramuan tersebut bagi mengira nilai nutrien yang akan diisytiharkan pada NIP; dan
- Bekerjasama dengan pengilang dan pengimport tempatan minuman Nutri-Grade untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan, untuk kes-kes pengedar membeli minuman Nutri-Grade dan melabelkannya bawah nama jenama mereka sendiri selepas itu.
- Untuk minuman yang dikeluarkan daripada dispenser minuman automatik, *Peraturan Makanan* memerlukan penjual memastikan maklumat pemakanan minuman tersebut tersedia ada kepada sesiapa sahaja yang ingin melihat maklumat tersebut. Untuk memastikan maklumat pemakanan yang diberikan adalah tepat, penjual boleh mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan pengilang, pengimport dan pengedar tempatan yang membekalkan minuman Nutri-Grade kepada mereka atau usaha lain yang relevan.

Bahagian 5: Sistem Penggredan Nutri-Grade

Bahagian 5.1: Sistem penggredan keseluruhan

40. Mengikut syarat yang ditetapkan dalam Peraturan 184B(1), *Peraturan Makanan*, pengilang, pengimport dan pengedar tempatan mestilah memastikan bahawa minuman Nutri-Grade yang bertujuan untuk dijual di Singapura dinilai ("A", "B", "C" atau "D") berdasarkan kandungan gula dan lemak tepu mengikut sistem penggredan yang ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah. Gred minuman Nutri-Grade adalah gred yang lebih rendah antara yang berikutnya:

- a) Gred kandungan gula ditentukan mengikut Baris I dalam Jadual 5; dan
- b) Gred kandungan lemak tepu ditentukan mengikut Baris II dalam Jadual 5.

Selain itu, minuman yang digredkan "A" tidak boleh mengandungi sebarang pengganti bukan gula⁹. Sila lihat contoh penggunaan sistem penggredan dalam Jadual 6.

Jadual 5: Ringkasan Sistem Penilaian yang menggariskan Nutri-Grade

	Gred	A	B	C	D
I	Kandungan gula (gram setiap 100 ml)	≤1	>1 hingga 5	>5 hingga 10	>10
II	Kandungan lemak tepu (gram setiap 100 ml)	≤0.7	>0.7 hingga 1.2	>1.2 hingga 2.8	>2.8
III	Penggunaan pengganti bukan gula	Tidak boleh mengandungi sebarang pengganti bukan gula	Boleh mengandungi pengganti bukan gula yang dibenarkan		

Jadual 6: Untuk tujuan ilustrasi

Contoh	Kandungan gula	Kandungan lemak tepu	Penggunaan pengganti bukan gula	Gred pada tanda Nutri-Grade
1	Dalam ambang Gred B	Dalam ambang Gred C	Tidak	Gred C (menggunakan gred yang lebih rendah daripada dua gred)
2	Dalam ambang Gred C	Dalam ambang Gred B	Tidak	Gred C (menggunakan gred yang lebih rendah daripada dua gred)
3	Memenuhi ambang Gred A	Memenuhi ambang Gred A	Ya	Gred B (Gred A tidak boleh mengandungi pengganti bukan gula)

⁹ Ini merujuk kepada sebarang aspartam, alkohol gula, alkohol karbohidrat, alkohol polihidrik, atau sebarang bahan lain yang ditambah sebagai pengganti gula untuk memberikan rasa manis.

4	Memenuhi ambang Gred A	Memenuhi ambang Gred A	Tidak	Gred A (memenuhi semua kriteria untuk Gred A)
---	------------------------	------------------------	-------	---

41. Gred sesuatu minuman ditentukan oleh maklumat pada NIP (lihat Bahagian 4) apabila dibaca bersama senarai ramuan dan arahan pengilang tentang cara penyediaan minuman yang dilabelkan pada pembungkusan. Dalam erti kata lain -

a) Gred berdasarkan jumlah gula ditentukan berdasarkan perkara berikut:

- i. jumlah gram gula setiap 100 ml yang dinyatakan pada NIP, jika jumlah laktosa atau galaktosa dalam minuman tidak dinyatakan pada NIP; atau
- ii. jumlah gram gula setiap 100 ml yang dinyatakan pada NIP, tolak gram laktosa dan galaktosa setiap 100 ml, jika jumlah laktosa dan/atau galaktosa dalam minuman dinyatakan pada NIP.

Tujuan asas adalah untuk memastikan penggredan gred berdasarkan kandungan gula bebas dalam minuman dengan syarat jumlah laktosa dan/atau galaktosa dinyatakan pada NIP.

Jika NIP tidak menyatakan jumlah gram gula, jumlah kandungan gula boleh diambil kira sebagai 0 gram setiap 100 ml.

b) Gred berdasarkan jumlah lemak tepu ditentukan berdasarkan jumlah gram lemak tepu setiap 100 ml yang dinyatakan pada NIP. Jika NIP tidak menyatakan gram lemak tepu, kandungan lemak tepu boleh diambil kira sebagai 0 gram setiap 100 ml.

Definisi

Jumlah gula merujuk kepada sebarang monosakarida dan disakarida dalam minuman. Seperti yang dijelaskan dalam Bahagian 4 Soalan Lazim F, ini termasuk gula baharu seperti allulosa dan isomaltulosa

Gula bebas merujuk kepada sebarang monosakarida dan disakarida yang ditambahkan kepada minuman oleh pengilangnya dan yang terdapat dalam jus buah-buahan, pekat jus buah-buahan, madu dan sirap secara semula jadi. Ini tidak termasuk gula daripada susu (iaitu laktosa dan galaktosa).

Pengganti bukan gula merujuk kepada aspartam, alkohol gula, alkohol karbohidrat atau alkohol polihidrik; atau sebarang bahan lain yang ditambah sebagai pengganti gula untuk memberikan rasa manis (untuk menyemak agen pemanis yang dibenarkan di bawah *Peraturan Makanan*, sila rujuk Peraturan 18 *Peraturan Makanan* dan Jadual Ketiga Belas).

42. Untuk minuman sedia untuk diminum, jika NIP menyatakan nilai nutrien setiap hidangan, pengiraan mudah diperlukan untuk mendapatkan jumlah gram setiap 100 ml (lihat contoh dalam Jadual 7).

Table 7: Contoh pengiraan nilai nutrien minuman sedia untuk diminum yang diisytiharkan pada NIP dalam 'setiap hidangan' untuk mendapatkan nilai 'setiap 100 ml'

Contoh	Jumlah pengisytiharan gula pada NIP	Pengisytiharan laktosa pada NIP	Jumlah Gula – Laktosa (jika diisytiharkan)	Nilai gula untuk digunakan untuk penggredan
1	19 g setiap 250 ml	4 g setiap 250 ml	19 – 4 = 15 g setiap 250 ml	15 x (100/250) = 6 g setiap 100 ml
2	41 g setiap 330 ml	8 g setiap 330 ml	41 – 8 = 33 g setiap 330 ml	33 x (100/330) = 10 g setiap 100 ml
3	20 g setiap 500 ml	NA (tidak diisytiharkan)	20 g setiap 500 ml	20 x (100/500) = 4 g setiap 100 ml

43. Bagi serbuk/larutan pekat yang bertujuan untuk dilarutkan atau dicairkan dengan cecair sebelum diminum, "100 ml" bermaksud 100 ml minuman yang disediakan, mengikut arahan pengilang berkenaan cara penyediaan minuman yang dilabelkan pada bungkus produk.

- Jika NIP menyatakan jumlah nutrien dalam minuman 'setiap 100 ml', nilai nutrien pada NIP boleh digunakan terus untuk menentukan gred minuman.
- Jika NIP menyatakan jumlah nutrien dalam minuman 'setiap hidangan', pengiraan mudah diperlukan untuk menukar nilai nutrien pada NIP daripada saiz hidangan yang dinyatakan (dalam ml) kepada 'setiap 100 ml' (lihat Jadual 7) untuk menentukan gred minuman. Untuk tujuan pengiraan, penambahan 1 g produk boleh diambil kira sebagai menghasilkan peningkatan 1 ml dalam isi padu minuman terlarut.

Bahagian 5.2: Peraturan Pembundaran

44. Gred kandungan gula dan gred kandungan lemak tepu adalah berdasarkan kandungan masing-masing yang dibundarkan kepada 1 tempat perpuluhan untuk kandungan gula dan 2 tempat perpuluhan untuk kandungan lemak tepu; kedua-duanya dengan satu tempat perpuluhan lebih daripada ambang gred.

45. Sebagai contoh, ambang gula untuk Gred B adalah tidak lebih daripada 5 gram setiap 100 ml. Nilai bundar seharusnya termasuk 1 tempat perpuluhan.

- Bagi produk dengan nilai 5.04 gram setiap 100 ml, angka tersebut dibundarkan kepada 5.0 gram setiap 100 ml dan dengan itu grednya berdasarkan kandungan gula ialah B.
- Bagi produk dengan nilai 5.05 gram setiap 100 ml, angka tersebut dibundarkan kepada 5.1 gram setiap 100 ml dan dengan itu grednya berdasarkan kandungan gula ialah C.

46. Dalam contoh lain, ambang lemak tepu untuk Gred B adalah tidak lebih daripada 1.2 gram setiap 100 ml. Nilai bundar seharusnya mengandungi 2 tempat perpuluhan.
- a) Bagi produk dengan nilai 1.204 gram setiap 100 ml, angka tersebut dibundarkan kepada 1.20 gram setiap 100 ml dan dengan itu grednya ialah B berdasarkan kandungan lemak tepu.
 - b) Bagi produk dengan nilai 1.205 gram setiap 100 ml, angka tersebut dibundarkan kepada 1.21 gram setiap 100 ml dan dengan itu grednya ialah C berdasarkan kandungan lemak tepu.

Contoh

Contoh A: Minuman teh jernih

- Sedia untuk diminum dalam botol
- Kandungan: Air, Ekstrak Teh, Gula, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI


Hidangan setiap bungkus: 4

Saiz hidangan: 200 ml

	Setiap hidangan	Setiap 100 ml
Tenaga	86 kcal	43 kcal
Protein	6.2 g	3.1 g
Lemak	2.4 g	1.2 g
Lemak Tepu	1.6 g	0.8 g
Karbohidrat	9.8 g	4.9 g
Jumlah Gula	9.8 g	4.9 g

Perhatian: Ia tidak wajib untuk mengisytiharkan kedua-dua perkadaran 'setiap hidangan' dan 'setiap 100 ml'. Nilai tenaga dan jumlah nutrien boleh diisytiharkan dalam salah satu atau kedua-dua perkadaran tersebut.

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Dengan jumlah gula 4.9 g/100ml, gred kandungan gula ialah "B".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 0.8 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "B".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	Gred ialah "B".  Sila ambil perhatian bahawa kandungan gula dibundarkan kepada nombor bulat seperti yang ditunjukkan dalam tanda Nutri-Grade


Contoh B: Minuman ringan diet

- Sedia untuk diminum dalam botol
- Kandungan: Air Berkarbonat, Aspartam, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI	
	Setiap 100 ml
Tenaga	0 kcal
Protein	0 g
Lemak	0 g
Karbohidrat	0 g

Perhatian: Jika kandungan lemak ialah 0 g, kandungan lemak tepu tidak perlu diisytiharkan pada NIP kerana ia pastinya 0 g juga. Begitu juga, jika kandungan karbohidrat adalah 0 g, jumlah kandungan gula tidak perlu diisytiharkan pada NIP kerana ia pastinya 0 g juga.

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade	
Langkah 1: Gred kandungan gula	Dengan jumlah gula 0 g/100ml, gred kandungan gula ialah "A".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 0 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "A".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Mengandungi pengganti bukan gula yang dibenarkan, oleh itu tidak boleh digredkan "A".
	Gred ialah "B".




Contoh C1: Minuman tenusu berperisa

- Sedia untuk diminum dalam karton
- Kandungan: Susu Lembu Rendah Lemak, Gula, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI	
	Setiap 100 ml
Tenaga	70 kcal
Protein	2.1 g
Lemak	1.5 g
Lemak Tepu	1.0 g
Karbohidrat	11.0 g
Jumlah Gula	11.0 g
Laktosa	4.0 g

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Memandangkan laktosa diisytiharkan pada NIP, kandungan gula yang akan digunakan untuk penggredan ialah jumlah gula tolak kandungan laktosa (iaitu $11.0\text{ g} - 4.0\text{ g} = 7.0\text{ g}$). Gred kandungan gula ialah "C".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan $1.0\text{ g}/100\text{ml}$ lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "B".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	Gred ialah "C". 


Contoh C2: Minuman tenusu berperisa

- Sedia untuk diminum dalam karton
- Kandungan: Susu Rendah Lemak, Gula, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI	
	Setiap 100 ml
Tenaga	70 kcal
Protein	2.1 g
Lemak	1.5 g
Lemak Tepu	1.0 g
Karbohidrat	11.0 g
Jumlah Gula	11.0 g

Dalam Contoh C2, 'laktosa' tidak diisytiharkan pada NIP, tidak seperti dalam Contoh C1.

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Oleh kerana laktosa tidak diisytiharkan pada NIP, jumlah kandungan gula digunakan untuk penggredan. Dengan 11.0 g/100ml jumlah gula, gred kandungan gula ialah "D".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 1.0 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "B".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	Gred ialah "D". 

Contoh D1: Serbuk kopi segera, dengan nilai nutrien yang diisytiharkan dengan perkadaran setiap 100 ml

- Serbuk yang memerlukan pencairan dengan air sebelum digunakan (Arahan pengilang yang dilabelkan pada bungkusan adalah untuk mencampurkan 30 g serbuk dengan 170 ml air panas)
- Kandungan: Krimer, Serbuk Kopi, Serbuk Susu Malt, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI			
Saiz Hidangan: 30 g (1 uncang)			
Hidangan Setiap Bungkusan: 15			
	Setiap 100 g	Setiap hidangan	Setiap 100 ml*
Tenaga	333 kcal	100 kcal	50 kcal
Protein	6.0 g	1.8 g	0.9 g
Lemak	16.7 g	5.0 g	2.5 g
Lemak Tepu	14.0 g	4.2 g	2.1 g
Karbohidrat	40.0 g	12.0 g	6.0 g
Jumlah Gula	13.3 g	4.0 g	2.0 g
Laktosa	6.7 g	2.0 g	1.0 g

Perhatian: Ia tidak wajib untuk mengisytiharkan kedua-dua perkadaran 'setiap hidangan' dan 'setiap 100 ml'. Nilai tenaga dan jumlah nutrien boleh diisytiharkan dalam salah satu atau kedua-dua perkadaran tersebut.

Ia juga tidak wajib untuk mengisytiharkan 'setiap 100 g' sebagaimana dijual.

*Sebagaimana dilarutkan mengikut arahan pengilang

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade	
Langkah 1: Gred kandungan gula	Memandangkan laktosa diisytiharkan pada NIP, kandungan gula yang akan digunakan untuk penggredan ialah jumlah gula tolak kandungan laktosa (iaitu $2.0 - 1.0 = 1.0$ g). Gred kandungan gula ialah "A".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 2.1 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "C".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	Gred ialah "C".



Contoh D2: Serbuk kopi segera dengan nilai nutrien yang diisytiharkan setiap hidangan

- Serbuk yang memerlukan pencairan dengan air sebelum digunakan (Arahan pengilang yang dilabelkan pada bungkusan adalah mencampurkan 30 g serbuk dengan 170 ml air panas)
- Kandungan: Krimer, Serbuk Kopi, Serbuk Susu Malt, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI		
Saiz Hidangan: 30 g (1 uncang) Hidangan Setiap Bungkus: 15		
	Setiap 100 g	Setiap hidangan
Tenaga	333 kcal	100 kcal
Protein	6.0 g	1.8 g
Lemak	16.7 g	5.0 g
Lemak Tepu	14.0 g	4.2 g
Karbohidrat	40.0 g	12.0 g
Jumlah Gula	13.3 g	4.0 g
Laktosa	6.7 g	2.0 g

Perhatian: Nilai tenaga dan jumlah nutrien boleh diisytiharkan dalam perkadaran 'setiap 100 ml' dan/atau 'setiap hidangan'


Ia tidak wajib untuk mengisytiharkan 'setiap 100 g' sebagaimana dijual.

Nilai nutrien pada NIP dinyatakan dalam perkadaran 'setiap hidangan' dan perlu diskalakan kepada 'setiap 100 ml' untuk menggunakan sistem penilaian. Untuk berbuat demikian, isipadu akhir minuman yang dilarutkan seharusnya diambil kira selepas pencairan dengan cecair.

Untuk tujuan pengiraan, penambahan 1 g produk boleh diambil kira sebagai menghasilkan peningkatan 1 ml dalam isipadu minuman terlarut.

	Setiap hidangan (30 g serbuk + 170 ml air, menjadi 200 ml)	Nisbahkan menjadi 100 ml
Lemak Tepu	4.2 g	2.1 g
Jumlah Gula	4.0 g	2.0 g
Laktosa	2.0 g	1.0 g

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Oleh kerana laktosa diisytiharkan pada NIP, kandungan gula yang akan digunakan untuk penggredan ialah jumlah gula tolak kandungan laktosa (iaitu 2.0 – 1.0 = 1.0 g setiap 100 ml). Gred kandungan gula ialah "A".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 2.1 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "C".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	<p>Gred ialah "C".</p> 

Contoh E: Minuman bijirin segera, dengan dua pilihan untuk pelarutan


- Campuran bijirin yang memerlukan pencairan dengan cecair sebelum diminum
- Namun begitu, terdapat 2 set arahan di bungkusan:
 - Campurkan 30 g campuran bijirin dengan 170 ml air suam; atau
 - Campurkan 30 g campuran bijirin dengan 170 ml susu penuh (suam)
- Kandungan: Bijirin, Gula, Tepung Susu Skim, Minyak Sawit, Tepung, Ekstrak Malt, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI		
Saiz Hidangan: 30 g (1 uncang)		
Hidangan Setiap Bungkusan: 15		
	Setiap hidangan	Setiap 100 ml*
Tenaga	100 kcal	50 kcal
Protein	2.0 g	1.0 g
Lemak	2.0 g	1.0 g
Lemak Tepu	1.5 g	0.8 g
Karbohidrat	18.5 g	9.3 g
Jumlah Gula	10.0 g	5.0 g
Laktosa	4.0 g	2.0 g

NIP seharusnya menyatakan bahawa nilai adalah berdasarkan pelarutan dengan air. Sila lihat Perenggan 29(b).

*Sebagaimana dilarutkan dengan air

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Oleh kerana laktosa diisytiharkan pada NIP, kandungan gula yang akan digunakan untuk penggredan ialah jumlah gula tolak kandungan laktosa (iaitu $5.0 - 2.0 = 3.0$ g). Gred berdasarkan kandungan gula ialah "B".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 0.8 g/100ml lemak tepu, gred berdasarkan kandungan lemak tepu ialah "B".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	Gred akhir ialah "B". 

Contoh F: Minuman bijirin segera, bertujuan untuk dilarutkan dengan susu

- Campuran bijirin yang memerlukan pencairan dengan susu sebelum diminum (arahan pengilang yang dilabelkan pada bungkusan adalah mencampurkan 30 g campuran bijirin dengan 170 ml susu)
- Kandungan: Bijirin, Gula, Tepung Susu Skim, Minyak Sawit, Tepung, Ekstrak Malt, Perisa

MAKLUMAT NUTRISI		
Saiz Hidangan: 30 g (1 uncang)		
Hidangan Setiap Package: 15		
	Setiap hidangan	Setiap 100 ml*
Tenaga	100 kcal	104 kcal
Protein	2.0 g	3.7 g
Lemak	2.0 g	4.1 g
Lemak Tepu	1.5 g	2.7 g
Karbohidrat	18.5 g	13.0 g
Jumlah Gula	10.0 g	8.8 g
Laktosa	4.0 g	5.8 g

*Sebagaimana yang dilarutkan mengikut arahan pengilang


Panduan untuk mengira nilai nutrien 'setiap 100 ml', selepas pelarutan dengan susu

- Oleh kerana jenis susu tidak dinyatakan, susu penuh lemak seharusnya digunakan. Sila rujuk Perenggan 29(c) dan (d) mengenai panduan berkaitan memasukkan kandungan nutrisi susu dalam NIP.
-
- Semasa menisbahkan perkadaran kepada 100 ml, isipadu akhir minuman selepas pencairan dengan cecair seharusnya diambil kira. Untuk tujuan pengiraan, penambahan 1 g produk boleh diambil kira sebagai menghasilkan peningkatan 1 ml dalam isipadu minuman terlarut.

	Setiap hidangan (30 g campuran)	170 ml susu penuh lemak	30 g campuran + 170 ml susu penuh lemak (dijadikan 200g)	Nisbahkan kepada 100 ml
Lemak Tepu	1.5 g	$2.25 \text{ g} \times \frac{170 \text{ ml}}{100 \text{ ml}} = 3.825 \text{ g}$	5.325 g	2.7 g
Jumlah Gula	10.0 g	$4.50 \text{ g} \times \frac{170 \text{ ml}}{100 \text{ ml}} = 7.65 \text{ g}$	17.65 g	8.8g
Laktosa	4.0 g	$4.50 \text{ g} \times \frac{170 \text{ ml}}{100 \text{ ml}} = 7.65 \text{ g}$	11.65 g	5.8g
Jumlah Gula - Laktosa	6.0 g	0 g	6.0 g	3.0 g

X (100 ml / 200 ml)

Penilaian gred untuk tanda Nutri-Grade

Langkah 1: Gred kandungan gula	Oleh kerana laktosa diisytiharkan pada NIP, kandungan gula yang akan digunakan untuk penggredan ialah jumlah gula tolak kandungan laktosa. Kandungan gula akhir ialah 3.0 g setiap 100ml, oleh itu gred kandungan gula ialah "B".
Langkah 2: Gred kandungan lemak tepu	Dengan 2.7 g/100ml lemak tepu, gred kandungan lemak tepu ialah "C".
Langkah 3: Pengganti bukan gula	Tidak mengandungi pengganti bukan gula
	<p>Gred ialah "C".</p> 

Bahagian 6: Nutri-Grade mark

47. Bahagian ini menyatakan maklumat yang seharusnya dipaparkan pada label dan meringkaskan syarat utama bagi grafik dan penggunaan untuk bungkusan produk serta tetapan lain. **Sila rujuk perkara berikut untuk syarat tambahan bagi tanda Nutri-Grade:**


- a) [Spesifikasi tanda Nutri-Grade¹⁰](#), yang menyediakan spesifikasi wajib untuk tanda Nutri-Grade yang dirujuk dalam Peraturan 184D(5), *Peraturan Makanan*.
- b) [Panduan Pengguna untuk Penggunaan Grafik pada tanda Nutri-Grade¹¹](#), yang menyediakan garis panduan tentang penggunaan grafik bagi tanda Nutri-Grade

Bahagian 6.1: Maklumat pada tanda Nutri-Grade

48. Tanda Nutri-Grade mengandungi dua maklumat penting tentang minuman (lihat Rajah 4):

- a) Gred ("A", "B", "C" or "D"); dan
- b) Peratusan kandungan gula bagi setiap 100 ml, dibundarkan kepada nombor bulat terdekat ("paras gula").

Rajah 4: Maklumat pada tanda Nutri-Grade



Perhatian: Nilai untuk paras gula seharusnya diubah untuk menggambarkan kandungan gula minuman dengan tepat

49. **Gred.** Terdapat empat gred yang mungkin bagi tanda Nutri-Grade - "A", "B", "C" dan "D". Pengilang, pengimport dan pengedar tempatan mestilah memaparkan gred minuman Nutri-Grade dengan tepat mengikut sistem penggredan yang dinyatakan dalam Bahagian 5.

50. **Paras gula.** Selain itu, paras gula produk mestilah diisytiharkan pada tanda Nutri-Grade. Nilai gula yang diisytiharkan seharusnya:

- a) ditentukan berdasarkan garis panduan yang sama dalam Perenggan 41(a) untuk penggredan gred berdasarkan kandungan gula;
- b) dinyatakan sebagai nombor bulat melalui pembundaran standard mengikut Jadual 8 di bawah. Sila rujuk Bahagian 5.2 tentang peraturan pembundaran untuk menentukan gred berdasarkan jumlah gula dan lemak tepu.

¹⁰ Dokumen ini tersedia ada di bawah bahagian "Sumber" laman web HPB, di <https://www.hpb.gov.sg/healthy-living/food-beverage/nutri-grade>.

¹¹ Dokumen ini tersedia ada di bawah bahagian "Sumber" laman web HPB, di <https://www.hpb.gov.sg/healthy-living/food-beverage/nutri-grade>.

Table 8: Peraturan pembundaran untuk nilai berangka bagi paras gula pada tanda Nutri-Grade

Kandungan gula (dibundarkan kepada 1 tempat perpuluhan) (g/100ml)	Nilai berangka untuk paras gula pada tanda Nutri- Grade	Gred berdasarkan jumlah gula
0-0.4	0%	A
0.5-1.0	1%	A
1.1-1.4	1%	B
1.5-2.4	2%	B
2.5-3.4	3%	B
3.5-4.4	4%	B
4.5-5.0	5%	B
5.1-5.4	5%	C
5.5-6.4	6%	C
6.5-7.4	7%	C
7.5-8.4	8%	C
8.5-9.4	9%	C
9.5-10.0	10%	C
10.1-10.4	10%	D
10.5-11.4	11%	D
dll.		

Bahagian 6.2 Syarat am grafik tanda Nutri-Grade


51. Komponen bagi tanda adalah tetap. Dalam sebarang keadaan, grafik digital yang disediakan oleh HPB seharusnya digunakan. Pengubahsuaian pada tanda tidak dibenarkan selain untuk melaraskannya kepada saiz yang diperlukan secara berkadar dan untuk mengedit nilai berangka peratusan kandungan gula. Apabila melaraskannya kepada saiz yang sesuai, pengubahsuaian nisbah grafik tanda tidak dibenarkan.
52. **Jenis fon dan saiz fon.** Perkataan "gula" dan nombor yang menunjukkan kandungan gula mestilah dipaparkan dalam jenis fon Arial Bold. Ketinggian nombor yang menunjukkan kandungan gula mestilah sama tinggi dengan perkataan "NUTRI-GRADE" pada tanda.
53. **Warna.** Tanda Nutri-Grade mestilah dicetak dalam warna penuh CMYK atau Pantone. Percetakan monokrom (hitam putih) tidak dibenarkan. Warna yang dicetak seharusnya tidak kelihatan berbeza daripada warna yang ditetapkan (cth. warna berubah atau pudar). Warna berikut seharusnya digunakan dalam tanda Nutri-Grade untuk elemen-elemen berikut:
- a) Gred "A" – Pantone 2423C atau CMYK 100C 25M 100Y;
 - b) Gred "B" – Pantone 375C atau CMYK 55C 100Y;
 - c) Gred "C" – Pantone 1375C atau CMYK 40M 85Y;
 - d) Gred "D" – Pantone 2035C atau CMYK 20C 100M 100Y 8K;
 - e) Perkataan "NUTRI-GRADE", "gula" dan angka yang menyatakan kandungan gula serta garisan luar grafik – Pantone Black C atau CMYK 100K.
54. **Varian.** Tanda Nutri-Grade tersedia ada dalam kedua-dua varian melintang dan menegak bagi semua empat gred ("A", "B", "C" dan "D") (sila lihat Rajah 5). Varian melintang seharusnya digunakan seboleh-bolehnya dan varian menegak hanya boleh digunakan apabila penggunaan varian melintang tidak dapat dilakukan. Contoh senario sedemikian ialah:
- a) Ruang kosong melintang tidak mencukupi untuk memaparkan varian melintang;
 - b) Latar belakang reka bentuk bungkusan terlalu rumit sehinggakan varian menegak lebih mudah dibaca berbanding varian melintang.
55. **Saiz.** Tanda Nutri-Grade mestilah memenuhi syarat saiz minimum berikut:
- a) Panjang tanda mestilah sekurang-kurangnya jumlah lebar dan tinggi kawasan hadapan-pek (FOP), dibahagikan dengan 7 (dinyatakan dalam persamaan di bawah), tertakluk kepada subperenggan(b);

$$\text{Panjang minimum tanda} = \frac{\text{Lebar kawasan FOP} + \text{tinggi kawasan FOP}}{7}$$

- b) Untuk tujuan subperenggan(a), kawasan FOP ialah:
 - i. permukaan bungkusan di mana nama dan jenama minuman Nutri-Grade (jika ada jenama) terpapar dan merupakan tempat penglihatan utama bakal pembeli; dan

- ii. ditandakan dengan kawasan bercetak, sarung produk atau label pada bungkusan. Dalam kes bungkusan silinder (cth. botol, tin), lebar ditakrifkan sebagai lilitan pek dibahagi tiga;
- c) Dalam sebarang keadaan, panjang tanda mestilah sekurang-kurangnya 19.8 mm dan lebar mestilah sekurang-kurangnya 8.5 mm.

Rajah 5: Varian tanda Nutri-Grade



Perhatian: Nilai untuk paras gula seharusnya diubah untuk menggambarkan kandungan gula minuman dengan tepat.

Bahagian 6.3 Syarat penggunaan untuk bungkusan produk

56. Tanda Nutri-Grade mestilah terpapar pada permukaan FOP bungkusan produk [sila lihat Perenggan 55(b)].
- a) Jika terdapat beberapa permukaan yang memenuhi definisi permukaan FOP (cth. karton segi empat tepat di mana kedua-dua permukaan hadapan dan belakang adalah sama), tanda Nutri-Grade mestilah digunakan pada sekurang-kurangnya satu permukaan dan permukaan yang mempunyai tanda Nutri-Grade seharusnya berhadapan dengan bakal pembeli di tempat jualan. Untuk mengelakkan keraguan, pengilang, pengimport dan pengedar tempatan digalakkan untuk memaparkan label pada semua permukaan yang memenuhi definisi permukaan FOP.
57. Tanda Nutri-Grade seharusnya berada dalam kawasan bercetak, sarung produk atau label bungkusan. Jika ini tidak dapat dilakukan, ia boleh dipaparkan di tempat lain di muka depan bungkusan.
58. Tanda Nutri-Grade mestilah ditandai pada atau dilekatkan dengan baik di kedudukan yang menonjol dan mudah dilihat pada bungkusan minuman dan mestilah dapat dibaca dengan jelas. Ini dapat dilakukan dengan menggunakan label pelekat.
- a) "Dilekatkan dengan baik" bermaksud label yang mengandungi tanda Nutri-Grade sukar ditanggalkan dan dapat kekal terlekat pada bungkusan sepanjang jangka hayat rak bungkusan itu.
 - b) Ia disarankan agar tanda Nutri-Grade seharusnya kalis air dan dakwat tidak boleh mengalir apabila pemeluwapan/tumpahan berlaku supaya ia kekal dapat jelas dibaca, .

Syarat penggunaan untuk multipek (lihat Perenggan 16 untuk definisi "multipek")

59. Tanda Nutri-Grade seharusnya dilabelkan untuk setiap jenis minuman Nutri-Grade dalam multipek. Tanda tersebut boleh ditandai atau dilekatkan dengan baik pada:
- a) Permukaan FOP bungkusan luar multipek dan bukannya unit minuman Nutri-Grade prabungkus, jika bungkusan luar multipek termasuk kenyataan bahawa setiap unit dalam bungkusan tersebut tidak boleh dijual secara berasingan atau pernyataan yang sama maksudnya (contohnya "Tidak boleh dijual berasingan");
 - b) Permukaan FOP bagi setiap unit minuman Nutri-Grade yang telah dibungkus dalam multipek dan bukan dalam bungkusan luar multipek, jika bungkusan luar multipek adalah lut sinar sepenuhnya (cth. sarung plastik lut sinar/jernih) dan tanda Nutri-Grade pada setiap unit dalam multipek jelas dapat dilihat oleh bakal pembeli melalui bungkusan luar; atau

Industri juga boleh menandakan atau melekatkan tanda Nutri-Grade dengan baik pada kedua-dua bahagian hadapan pek setiap unit minuman individu dan bungkusan luar multipek untuk memenuhi syarat Peraturan 184D(4).

Syarat ini diringkaskan dalam Jadual 9 di bawah.

Jadual 9: Syarat minimum untuk pelabelan NIP dan tanda Nutri-Grade bagi multipek

		Adakah bungkusan luar multipek lut sinar sepenuhnya agar FOP setiap unit dalam bungkusan lut sinar dilabelkan dan tanda Nutri-Grade dapat dilihat dengan jelas melalui bungkusan luar?	
		Ya <i>(cth. sarung plastik lut sinar tanpa reka bentuk membalutkan enam botol 1.5 liter)</i>	Tidak <i>(cth. kotak kadbod legap yang mempunyai 16 tin minuman)</i>
Adakah produk yang bertujuan untuk dijual dalam bentuk multipek sahaja dan adakah bungkusan luar termasuk pernyataan bahawa unit dalam multipek tidak boleh dijual secara berasingan atau pernyataan yang sama maksud (cth. "Tidak boleh dijual secara berasingan")?	Ya	<p>la mencukupi untuk melabelkan NIP dan tanda Nutri-Grade pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Unit individu sahaja; ATAU Bungkusan luar multipek sahaja 	<p>la mencukupi untuk melabelkan tanda Nutri-Grade pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Bungkusan luar multipek sahaja. <p>(Perhatian: Pelabelan pada unit individu sahaja tidak mencukupi.)</p> <p>la mencukupi untuk melabelkan NIP pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Unit individu sahaja; ATAU Bungkusan luar multipek sahaja.
	Tidak	<p>la mencukupi untuk melabelkan NIP dan tanda Nutri-Grade pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Unit individu sahaja. <p>(Perhatian: Pelabelan pada unit individu sahaja tidak mencukupi.)</p>	<p>Tanda Nutri-Grade mestilah dilabelkan pada kedua-dua unit individu DAN bungkusan luar multipek.</p> <p>(Perhatian: Pelabelan pada unit individu sahaja atau bungkusan luar multipek sahaja adalah tidak mencukupi)</p> <p>la mencukupi untuk melabelkan NIP pada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Unit individu sahaja. <p>(Perhatian: Pelabelan pada multipek sahaja tidak mencukupi.)</p>

Bahagian 6.4 Syarat penggunaan untuk tetapan selain bungkusan produk

60. Selain dipaparkan pada permukaan FOP pakej produk, imej tanda Nutri-Grade juga harus dipaparkan agar bakal pembeli minuman Nutri-Grade dapat melihat imej tersebut (iaitu sebelum minuman Nutri-Grade dijual). Ini adalah wajib untuk minuman Nutri-Grade yang digredkan "C" atau "D" yang sedia untuk dijual di Singapura. Ini tidak wajib untuk minuman Nutri-Grade yang digredkan "A" atau "B".

61. Syarat utama pelbagai tetapan diringkaskan dalam Jadual 10.

Jadual 10. Syarat untuk memaparkan imej tanda Nutri-Grade, selain pada bungkusan produk

Tetapan	Syarat Pelabelan tambahan: <i>Imej tanda Nutri-Grade seharusnya...</i>	Spesifikasi grafik
Minuman dijual dalam talian (cth. pasar raya dalam talian)	<ul style="list-style-type: none"> Dipaparkan dengan jelas di sebelah atau berkait langsung dengan senarai imej atau teks minuman tersebut dalam talian pada laman paparan yang sama sebagaimana yang dilihat oleh bakal pembeli (cth. pada senarai produk, hasil carian dan halaman pembayaran) 	Sila rujuk kepada "Panduan Penggunaan Grafik bagi tanda Nutri-Grade" untuk panduan penuh tentang spesifikasi grafik dan penggunaan.
Minuman dijual di mesin layan diri	<ul style="list-style-type: none"> Boleh dilihat dengan jelas pada bungkusan minuman Nutri-Grade melalui tingkap mesin layan diri jika tingkapnya jelas; ATAU Dipaparkan dengan jelas di sebelah atau berkait langsung dengan senarai imej atau teks atau tanda harga minuman. Tidak mudah ditanggalkan, jika label pelekat digunakan 	
Minuman dijual daripada dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli	<ul style="list-style-type: none"> Dipaparkan dengan jelas pada atau berdekatan dengan dispenser supaya ia boleh dilihat oleh bakal pembeli; Dipaparkan di sebelah atau berkait langsung dengan senarai imej atau teks minuman Nutri-Grade, jika terdapat lebih daripada satu minuman yang tersedia ada dalam dispenser; DAN Tidak mudah ditanggalkan, jika label pelekat digunakan 	

Definisi

"**Dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli**" bermaksud dispenser minuman automatik (ABD) yang menunjukkan senarai imej atau teks tentang minuman yang dapat dikeluarkan dan diletakkan —

- (a) di kaunter jualan atau di belakang kaunter jualan yang membolehkan bakal pembeli melihat senarai imej atau teks (cth. ABD yang biasanya dilihat di restoran makanan segera);
- (b) untuk membolehkan bakal pembeli mengeluarkan minuman pilihannya, berdasarkan senarai imej atau teks (cth. ABD biasanya terletak jauh dari kaunter jualan dan digunakan di kedai serbaneka atau restoran makanan segera)
- (c) dengan cara lain yang membolehkan bakal pembeli melihat imej atau senarai teks.

62. Untuk mengelakkan keraguan, bagi tempat makan dan katering,

- a) Tiada keperluan pada masa ini untuk memaparkan imej tanda Nutri-Grade di menu, lokasi jualan dalam talian (cth. platform penghantaran makanan) atau di dispenser minuman automatik yang tidak menghadap pembeli. Syarat ini mungkin akan digariskan pada masa depan;
- b) Pemaparan tanda Nutri-Grade masih diperlukan untuk minuman Nutri-Grade yang dijual melalui mesin layan diri dan dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli.

Soalan Lazim

A. Siapakah yang bertanggungjawab untuk pelabelan tanda Nutri-Grade pada bungkusan minuman Nutri-Grade prabungkus?

- *Peraturan Makanan* memerlukan pihak berikut memastikan minuman Nutri-Grade diberi grad, bungkusannya dilabelkan dengan tanda Nutri-Grade jika Nutri-Grade diberi grad "C" atau "D" dan tanda Nutri-Grade yang mengandungi maklumat yang tepat. Ini termasuk,
 - i. Jika minuman Nutri-Grade dikilangkan di Singapura untuk dijual di Singapura, maka pengilangnya;
 - ii. Jika minuman Nutri-Grade diimport untuk dijual di Singapura, maka pengimport tempatannya; atau
 - iii. Dalam kes-kes lain (cth. sekiranya pengedar tempatan membeli minuman Nutri-Grade daripada pengilang atau pengimport tempatan dan selepas itu melabelkan produk bawah nama jenamanya sendiri), maka pengedarnya.
- Walaupun pengilang, pengimport dan pengedar tempatan mempunyai tanggungjawab undang-undang untuk memastikan pelabelan NIP yang tepat, mereka boleh melantik pihak ketiga untuk melakukan pelabelan.

B. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memaparkan tanda Nutri-Grade untuk minuman Nutri-Grade yang dijual dalam talian?

- Seseorang yang menjual minuman Nutri-Grade dalam talian mestilah memastikan imej tanda Nutri-Grade dipaparkan jika gred minuman Nutri-Grade ialah “C” atau “D” supaya bakal pembeli dapat melihat imej itu.
- Pemilik platform dalam talian amat digalakkan untuk menyokong pematuhan terhadap kewajipan paparan ini, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) memastikan bahawa platform dalam talian membolehkan paparan tanda Nutri-Grade, pihak yang menjual minuman Nutri-Grade melalui platform dalam talian mereka menyedari kewajipan paparan ini serta bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyingkirkan kandungan yang melanggar pematuhan.

C. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memaparkan tanda Nutri-Grade bagi minuman Nutri-Grade yang dijual daripada mesin layan diri?

- Seseorang yang menjual minuman Nutri-Grade daripada mesin layan diri mestilah memastikan imej tanda Nutri-Grade dipaparkan jika gred minuman Nutri-Grade ialah “C” atau “D” supaya bakal pembeli dapat melihat imej itu.
- Orang ini bertanggungjawab untuk:
 - i. Jika tingkap mesin layan diri adalah jelas, (a) pastikan bahawa hanya stok yang memaparkan tanda Nutri-Grade pada permukaan FOP diambil; dan (b) memastikan minuman dipaparkan agar imej tanda Nutri-Grade pada permukaan FOPnya dapat dilihat dengan jelas oleh bakal pembeli melalui tingkap; atau
 - ii. Jika tingkap mesin layan diri tidak jelas, pastikan imej tanda Nutri-Grade dipaparkan pada senarai imej atau teks atau tanda harga minuman Nutri-Grade.
- Jika perlu, orang ini seharusnya memastikan bahawa maklumat yang dipaparkan adalah tepat, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) bekerjasama dengan pengilang, pengimport atau pengedar tempatan (jika berkenaan) minuman Nutri-Grade yang dijual daripada mesin layan diri .

D. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memaparkan tanda Nutri-Grade untuk minuman Nutri-Grade yang dijual daripada dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli?

- Seseorang yang menjual minuman Nutri-Grade daripada dispenser minuman automatik yang menghadap pembeli mestilah memastikan imej tanda Nutri-Grade dipaparkan jika gred minuman Nutri-Grade ialah “C” atau “D” supaya bakal pembeli dapat melihat imej itu.
- Orang ini seharusnya bertanggungjawab untuk
 - Memastikan bahawa imej tanda Nutri-Grade dipaparkan dengan jelas pada dispenser minuman automatik atau berhampiran dispenser minuman automatik; dan
 - Jika lebih daripada satu minuman tersedia ada dalam dispenser minuman automatik, pastikan imej dipaparkan di sebelah atau berkait langsung dengan senarai imej atau teks minuman tersebut.

- Sebagaimana perlu, orang ini mestilah memastikan bahawa maklumat yang dipaparkan adalah tepat, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) bekerjasama dengan pengilang, pengimport atau pengedar tempatan (jika berkenaan) minuman Nutri-Grade yang dijual daripada dispenser minuman automatik.

E. Untuk minuman Nutri-Grade yang dijual dalam talian, adakah tanda Nutri-Grade perlu dipaparkan pada setiap senarai dalam talian?

- Ya. Peraturan 184E(2)(a) *Peraturan Makanan* mewajibkan tanda Nutri-Grade minuman Nutri-Grade yang dijual dalam talian dipaparkan dengan jelas bersebelahan atau berkait langsung dengan senarai imej atau teks minuman Nutri-Grade dalam talian.
- Senarai dalam talian bagi minuman Nutri-Grade merujuk kepada ciri yang –
 - i. Mengandungi maklumat tentang nama dan harga minuman Nutri-Grade, dan
 - ii. Mengandungi pautan yang membolehkan bakal pembeli membeli minuman Nutri-Grade. Sila lihat contoh senarai dalam talian dalam Jadual 11.

Jadual 11. Contoh “senarai dalam talian minuman Nutri-Grade”

Senarai dalam talian minuman Nutri-Grade	Bukan senarai dalam talian minuman Nutri-Grade
<ul style="list-style-type: none"> • Halaman dalam talian yang menyenaraikan semua minuman Nutri-Grade yang tersedia untuk dijual, dengan butang "Tambah ke Troli" yang berkenaan untuk setiap minuman • Halaman dalam talian yang khusus untuk satu jenis minuman Nutri-Grade untuk dijual dengan butang "Tambah ke Troli" yang berkenaan • Senarai minuman Nutri-Grade tertentu yang disyorkan dan boleh ditambah kepada bakul beli-belah • Hasil carian dengan pautan untuk membeli 	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai jenama atau peniaga yang tersedia ada di platform • Senarai kategori produk yang tersedia ada (cth. Produk Segar, Minuman, Produk Kegunaan Rumah) • Hasil carian tanpa pautan untuk membeli

Bahagian 6.5 Pautan dan sumber

63. Sila rujuk laman web HPB (<https://www.hpb.gov.sg/healthy-living/food-beverage/nutri-grade>) untuk sumber-sumber penting termasuk:
- a) Spesifikasi tanda Nutri-Grade yang menyediakan spesifikasi wajib untuk tanda Nutri-Grade yang dirujuk dalam Peraturan 184D(5), *Peraturan Makanan*;
 - b) Panduan Penggunaan Grafik bagi tanda Nutri-Grade yang menyediakan garis panduan tentang penggunaan grafik bagi tanda Nutri-Grade; dan
 - c) Fail vektor untuk tanda Nutri-Grade.

Bahagian 7: Larangan Pengiklanan

Bahagian 7.1 Iklan dan platform media yang terjejas

64. Iklan yang dinyatakan dalam Peraturan 184F(1), *Peraturan Makanan* yang digunakan atau tampak digunakan untuk mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan “D” sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah dilarang di semua platform media kecuali bagi iklan yang dinyatakan dalam Perenggan 65.

Definisi “iklan” (lihat bahagian 2 Akta Penjualan Makanan)

Iklan bermaksud mana-mana yang berikut yang digunakan atau tampak digunakan untuk mempromosikan penjualan makanan secara langsung atau tidak langsung:

- a) Sebarang perkataan, sama ada secara bertulis atau dalam mesej yang dapat didengar;
- b) Sebarang gambar pegun atau bergerak, tanda, simbol atau imej visual atau perlambangan lain;
- c) Mana-mana gabungan 2 atau lebih daripada perkara-perkara dalam perenggan (a) atau (b),

Tetapi tidak termasuk sebaran/perkongsi pendapat peribadi yang dibuat oleh seseorang individu (tanpa manfaat komersial) kepada orang awam atau sebahagian daripada orang awam berkenaan sebarang barangan atau perkhidmatan, jenama barangan atau perkhidmatan atau orang yang menyediakan barangan atau perkhidmatan.

65. Iklan yang disenaraikan dalam Peraturan 184F(2), *Peraturan Makanan* tidak tertakluk kepada larangan tersebut. Ini termasuk:

- a) Iklan yang tidak mengandungi pengesyoran berkaitan penggunaan minuman Nutri-Grade yang diterbitkan melalui katalog, senarai harga atau dokumen lain untuk tujuan membekalkan minuman Nutri-Grade secara borong;
- b) Iklan yang memberikan maklumat tentang nama dan harga minuman Nutri-Grade tetapi tidak mempromosikan penjualannya yang diterbitkan –
 - i. di laman web korporat pengilang, pengimport, peruncit atau pengedar; atau
 - ii. sebagai sebahagian daripada acara pelancaran produk yang tidak boleh diakses oleh mana-mana orang awam selain tetamu jemputan; atau
 - iii. dalam bentuk siaran akhbar atau media
- c) Iklan yang mematuhi kedua-dua syarat (i) dan (ii) di bawah:
 - i. Iklan yang diterbitkan –
 - A. jika minuman Nutri-Grade dijual semasa menjalankan perniagaan makanan — di premis makanan di mana perniagaan dijalankan;
 - Sebagai panduan umum, ini termasuk keseluruhan kawasan premis dengan sempadan pintu masuk atau pintu keluar, bahagian hadapan premis dan kawasan luar jika berkenaan

- B. jika minuman Nutri-Grade dijual dalam bentuk prabungkus daripada mesin layan diri — pada mesin layan diri;
 - C. jika minuman Nutri-Grade dijual daripada dispenser minuman automatik — pada dispenser minuman automatik; atau
 - D. jika minuman Nutri-Grade dijual dalam talian — di lokasi jualan dalam talian.
- ii. Iklan tersebut memaparkan imej tanda Nutri-Grade minuman, kecuali iklan yang melibatkan komunikasi dalam mesej yang dapat didengar. Iklan sedemikian tidak perlu memaparkan imej tanda Nutri-Grade tetapi mestilah mengandungi mesej bahawa 'Nutri-Grade produk ini ialah D' yang dapat didengar.

66. Ringkasan perkara-perkara yang dilarang dan tidak dilarang terdapat dalam Jadual 12

Jadual 12: Ringkasan perkara-perkara yang dilarang dan tidak dilarang

Dilarang	Tidak dilarang
<p>Iklan yang mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan "D", seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Iklan yang memaparkan minuman bergred "D", sama ada individu atau bersama produk lain; • Iklan yang memaparkan dorongan kewangan atau bahan berkait dengan minuman Nutri-Grade bergred "D" (cth. iklan akhbar yang memaparkan promosi jualan pasar raya) 	<ul style="list-style-type: none"> • Iklan jenama yang tidak menampilkan sebarang produk tertentu. • Iklan yang mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan "A", "B" atau "C". • Komunikasi pendapat peribadi yang dibuat oleh individu tanpa keuntungan komersial, seperti kandungan pengguna organik di media sosial. • Iklan perdagangan yang diterbitkan dalam katalog, senarai harga atau dokumen lain untuk tujuan membekalkan minuman secara borong dan tidak mengandungi pengesyoran yang berkaitan dengan penggunaannya. • Kenyataan maklumat tentang minuman yang boleh termasuk maklumat tentang nama dan harganya tetapi tidak mempromosikan penjualannya dan yang diterbitkan – <ul style="list-style-type: none"> ○ di laman web korporat pengilang, pengimport atau peruncit (cth. katalog produk); ○ sebagai sebahagian daripada acara pelancaran produk yang tidak boleh diakses oleh mana-mana orang awam selain tetamu jemputan; atau ○ dalam bentuk siaran akhbar atau media. • Iklan yang diterbitkan di lokasi berikut dan memenuhi syarat syarat Peraturan 184F(2)(c) penerangan lebih lanjut dalam Bahagian 7.2: <ul style="list-style-type: none"> ○ premis makanan di mana perniagaan makanan yang menjual minuman Nutri-Grade dijalankan; ○ di mesin layan diri jika minuman dijual dari mesin layan diri tersebut; atau ○ di lokasi jualan dalam talian jika minuman dijual dalam talian.

	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan menawarkan dorongan kewangan atau bahan seperti menawarkan diskaun, hadiah, sampel percuma, derma, jualan seikat atau promosi lain.
--	--

67. Contoh platform media di mana seseorang tidak boleh menerbitkan, menyebabkan penerbitan atau mengambil bahagian dalam penerbitan iklan yang digunakan atau tampak digunakan untuk mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan "D" secara langsung atau tidak langsung adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 13.

Contoh platform media di mana seseorang tidak boleh menerbitkan, menyebabkan penerbitan atau mengambil bahagian dalam penerbitan iklan yang digunakan atau tampak digunakan untuk mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan "D" secara langsung atau tidak langsung

Platform	Contoh
Penyiaran	<ul style="list-style-type: none"> Iklan televisyen Iklan radio Perhatian: termasuk kedua-dua saluran percuma dan berbayar
Pawagam	<ul style="list-style-type: none"> Iklan pada skrin (cth. treler, peletakan produk dalam filem) Iklan di luar skrin
Cetakan	<ul style="list-style-type: none"> Iklan surat khabar Iklan majalah
Di Luar Rumah	<ul style="list-style-type: none"> Poster, papan iklan, pelekat lantai, pembalut/pelekat tiang dll. Iklan dalam rangkaian pengangkutan awam (perhentian bas/persimpangan jalan, stesen kereta api, dalam bas/kereta api) dan pada/dalam kenderaan sewa persendirian
Di Tapak	<ul style="list-style-type: none"> Roadshow (pertunjukan jalanan), acara, kedai/gerai pop-up Risalah dan bahan yang digunakan untuk acara Pos secara langsung, pemasaran dari pintu ke pintu
Dalam talian dan mudah alih	<ul style="list-style-type: none"> Laman web, media sosial, aplikasi mudah alih: Termasuk kedua-dua ruang berbayar seperti sepanduk, senarai carian, siaran media sosial dan ruang tidak berbayar seperti laman web atau halaman media sosial pengiklan sendiri E-mel dan mesej teks secara langsung, saluran penyiaran dalam aplikasi pemesejan

Bahagian 7.2 Paparan tanda Nutri-Grade pada iklan di tempat jualan

68. Iklan di platform POS (tempat jualan) yang mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade bergred “D” dikecualikan daripada larangan tersebut dengan syarat ia memaparkan imej tanda Nutri-Grade dengan jelas.

69. Syarat untuk memaparkan tanda Nutri-Grade ini tidak termasuk iklan perdagangan atau pernyataan maklumat (cth. tanda nama atau tanda harga). Ini tidak tertakluk kepada larangan.

70. Jadual 14 menyatakan syarat untuk pelbagai jenis bahan POS (tempat jualan) .

Jadual14: Contoh bahan POS (tempat jualan) dan keperluannya yang berbeza

Platform	Dianggap sebagai iklan (iaitu mesti memaparkan tanda Nutri-Grade jika ia menampilkan minuman Gred D)	<u>TIDAK</u> dianggap sebagai iklan, tetapi pelabelan wajib dikenakan (iaitu mesti memaparkan tanda Nutri-Grade jika ia menampilkan minuman Gred C/D)	<u>TIDAK</u> dianggap sebagai iklan dan pelabelan wajib tidak dikenakan (iaitu tiada keperluan untuk memaparkan tanda Nutri-Grade)
Kedai fizikal	<ul style="list-style-type: none"> Paparan produk khas (cth. gondola, gerai pensampelan produk, pelekat boleh goyang, pelekat meja/lantai/ peti ais, standee dll.) Mesej audio yang dimainkan di kedai 	Bungkusan produk	Tanda harga, termasuk yang menunjukkan harga diskaun dan tanda harga am yang menyatakan harga untuk pelbagai produk
Mesin layan diri	<ul style="list-style-type: none"> Pembalut, pelekat pada mesin dll. 	<ul style="list-style-type: none"> Pakej produk (jika dapat dilihat melalui tingkap mesin) Tag yang menunjukkan nama atau harga 	
Dispenser minuman automatik	<ul style="list-style-type: none"> Pembalut, pelekat pada mesin dll. 	<ul style="list-style-type: none"> Senarai yang menunjukkan nama atau harga 	
Lokasi jualan dalam talian (contohnya laman e-dagang)	<ul style="list-style-type: none"> Ciri-ciri yang menarik perhatian kepada produk (cth. sepanduk, pop timbul, ciri halaman utama, imej produk yang digunakan dalam senarai kategori dll.) 	Senarai yang – <ul style="list-style-type: none"> Mengandungi maklumat tentang nama dan harga minuman Nutri-Grade; dan Mengandungi pautan yang membolehkan seseorang membeli minuman Nutri-Grade 	

		(lihat Jadual 11)	
--	--	-------------------	--

71. Tanda Nutri-Grade mungkin muncul sama ada sebagai sebahagian daripada imej minuman Nutri-Grade atau di tempat lain pada iklan dengan rujukan secara langsung dibuat kepada minuman Nutri-Grade. Tanda Nutri-Grade penuh mestilah kelihatan dan tidak tersekat atau dikaburi oleh bahagian lain iklan. Sila rujuk kepada "Panduan Penggunaan Grafik bagi tanda Nutri-Grade" untuk panduan penuh tentang grafik dan spesifikasi penggunaan label pada iklan.
72. Jika iklan merupakan bentuk mesej yang dapat didengar, seperti dalam kes iklan audio atau lisan, ia mestilah mengandungi mesej bahawa 'Nutri-Grade produk ini ialah D'.

Soalan Lazim

A. Adakah iklan yang berasal daripada media asing (cth. program penyiaran luar negara, penerbitan luar negara, iklan media sosial daripada syarikat luar negara) tertakluk kepada larangan?

Larangan pengiklanan dikenakan apabila tindakan menerbitkan, menyebabkan penerbitan atau mengambil bahagian dalam penerbitan iklan dijalankan di Singapura. Sebagai contoh, ini termasuk iklan media sosial di mana tindakan penerbitan adalah di Singapura.

B. Adakah perkara berikut tertakluk kepada larangan pengiklanan?

Jadual 15 mengandungi beberapa jenis penglibatan yang sering ditanya berkenaan larangan pengiklanan dan klasifikasinya.

Jadual 15: Jenis penglibatan yang sering ditanya dan klasifikasinya

Penglibatan	Klasifikasi	Catatan
Hadiah percuma	Tidak tertakluk kepada larangan	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan menawarkan hadiah percuma tidak termasuk dalam definisi iklan. Namun begitu, iklan bagi hadiah percuma tersebut, seperti di laman web atau akhbar adalah tertakluk kepada larangan jika ia menampilkan minuman Nutri-Grade bergred "D".
Promosi harga (cth. diskaun harga, diskaun pukal)	Tidak tertakluk kepada larangan	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan menawarkan promosi harga tidak termasuk dalam definisi iklan. Namun begitu, iklan promosi harga seperti di laman web atau akhbar adalah tertakluk kepada larangan jika ia menampilkan minuman Nutri-Grade bergred "D".
Lokasi produk, di tempat jualan	Tidak tertakluk kepada larangan	<ul style="list-style-type: none"> Lokasi/peletakan produk tidak termasuk dalam definisi iklan. Ini termasuk meletakkan kedudukan produk berhampiran juruwang ataupun bagi lokasi jualan

		dalam talian, senarai produk tambahan yang disyorkan di halaman daftar keluar.
Tajaan	Tidak tertakluk kepada larangan	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan menawarkan tajaan (cth. kewangan, barangan) tidak termasuk di bawah definisi iklan. Namun begitu, iklan yang terhasil daripada perjanjian penajaan atau perkongsian (cth. peletakan produk dalam pertunjukan) adalah tertakluk kepada larangan jika ia menampilkan minuman Nutri-Grade bergred "D".
Kit perhubungan awam (PR).	Tidak tertakluk kepada larangan	<ul style="list-style-type: none"> Tindakan mengedar kit PR tidak termasuk dalam definisi iklan. Namun begitu, iklan yang terhasil daripada penerimaan kit PR, seperti siaran di media sosial, adalah tertakluk kepada larangan jika ia menampilkan minuman Nutri-Grade bergred "D" dan secara langsung/tidak langsung mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade.
Siaran mempengaruhi di media sosial	Bergantung	<ul style="list-style-type: none"> Siaran media sosial yang dibuat oleh individu untuk keuntungan komersial adalah tertakluk kepada larangan jika ia menampilkan minuman Nutri-Grade bergred "D". Namun begitu, siaran yang dibuat oleh individu tanpa keuntungan komersial tidak tertakluk kepada larangan.
Peletakan produk	Bergantung	<ul style="list-style-type: none"> Peletakan produk yang bertujuan dan yang ditaja untuk minuman Nutri-Grade bergred "D" dalam sebarang jenis media (cth. rancangan TV, filem, video dalam talian) dianggap sebagai satu bentuk iklan dan tertakluk kepada larangan. Peletakan produk secara tidak sengaja (tidak bertujuan) akan dinilai mengikut kes. Ia mungkin dianggap sebagai iklan jika ia memenuhi definisi "mempromosikan penjualan minuman secara langsung atau tidak langsung". Pengiklan dan pemilik media dinasihati agar berhati-hati dalam hal ini.

Senarai produk di laman web/media syarikat sendiri	Bergantung	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai/katalog produk di laman web syarikat sendiri yang mengandungi maklumat fakta tentang produk yang tersedia ada dan tidak mempromosikan produk tertentu adalah tidak tertakluk kepada larangan. • Namun begitu, jika katalog yang serupa digunakan untuk tujuan mempromosikan jualan produk kepada pengguna (cth. diedarkan melalui surat kepada orang ramai), ia akan dianggap sebagai iklan dan tertakluk kepada larangan. • Selain itu, ciri-ciri yang menarik perhatian kepada produk tertentu di laman web/media syarikat sendiri (cth. sepanduk, serlahan ciri/call out, pop timbul/pop-up) boleh dianggap sebagai iklan dan tertakluk pada larangan.
--	------------	---

C. Siapakah yang bertanggungjawab ke atas pematuhan syarat pengiklanan?

- *Peraturan Makanan* menghendaki seseorang agar tidak menerbitkan, menyebabkan penerbitan atau mengambil bahagian dalam penerbitan dalam sebarang iklan yang digunakan atau tampak digunakan untuk mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade bergred “D” secara langsung atau tidak langsung.
- Pemilik platform media amat digalakkan untuk menyokong pematuhan terhadap kewajipan pengiklanan ini, termasuk (tetapi tidak terhad kepada) memastikan bahawa orang yang mengiklankan minuman Nutri-Grade di platform mereka mengetahui kewajipan pengiklanan ini dan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyingkirkan kandungan yang melanggar pematuhan.

D. Adakah iklan yang merupakan sebahagian daripada program siaran langsung atau siaran serantau tertakluk kepada syarat pengiklanan?

- Ya, jika iklan mempromosikan penjualan minuman Nutri-Grade yang digredkan "D"

Butiran Hubungan

Soalan berkenaan syarat pelabelan dan pengiklanan untuk minuman Nutri-Grade boleh diajukan kepada:

Level 5, Policy and Strategy Division
Health Promotion Board
3 Second Hospital Avenue
Singapore 168937

E-mel: Nutri-Grade@hpb.gov.sg

Sila rujuk *Peraturan Makanan* untuk set lengkap syarat berkaitan pelabelan makanan.